

**PERANAN INSTITUSI ZAKAT SEBAGAI AGEN
PEMBASMI KEMISKINAN UMAT ISLAM
KAJIAN KES DI NEGERI MELAKA**

SITI SUKAINAH BINTI ALIAS

**KERTAS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4999A/B) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukan yang telah dilampirkan.

30 APRIL 2009



SITI SUKAINAH BINTI ALIAS
UK 13175

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4999A/B) is the result of my own finding, except where otherwise stated other sources are acknowledge by giving references is appended.

30 APRIL 2009



SITI SUKAINAH BINTI ALIAS
UK 13175

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan syukur ke Hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan Inayah-Nya dapatlah saya menyelesaikan kajian tesis ini dengan jayanya. Tidak lupa juga selawat dan salam ke atas Nabi junjungan kita, Nabi Muhammad S.A.W.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan di ruangan ini untuk merakam setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Encik Muhammad Najit Bin Sukemi selaku penyelia dan pensyarah yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menjalani dan menyiapkan tesis ini. Insya-Allah, segala tunjuk ajar yang telah diberikan akan saya gunakan pada masa hadapan kelak.

Terima Kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Tn. Haji Alias Bin Mohamed Rais dan Pn. Hajjah Latifah Binti Ibrahim, adik-beradik dan keluarga yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan agar saya tidak mudah putus asa dalam menghadapi cabaran dan dugaan hidup ini.

Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan juga kepada rakan-rakan yang sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dan memberikan tunjuk ajar kepada saya. Selain daripada itu, penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan Projek Sarjana Muda ini.

Sekian dan terima kasih.

Siti Sukainah Binti Alias
588A, Taman Kenanga,
Taman Setia Jaya,
Kampung Lapan,
75200 Melaka.
sukainah_85@yahoo.com

ABSTRAK

Masalah kemiskinan masih lagi menjadi momok yang membelenggu kerajaan dan seringkali dikaitkan dengan umat Islam. Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga yang wajib dilaksanakan bagi semua umat Islam. Kutipan zakat akan diagihkan kepada lapan asnaf yang layak meliputi fakir dan miskin. Sejalan dengan fungsi sosial, zakat memiliki roh membasmi kemiskinan dan berkongsi kebahagiaan antara golongan kaya dan miskin, mengajar umat Islam membersihkan diri dan menjauhkan sifat tamak yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Kini, pengurusan Pusat Pungutan zakat diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam. Maka tidak hairanlah wujud perbezaan dari segi pengurusan dan pentadbiran dalam pengagihan zakat. Keadaan ini mewujudkan persoalan iaitu sejauhmanakah keberkesanan zakat dapat membasmi kemiskinan masyarakat Islam di Malaysia umumnya dan di Negeri Melaka khususnya. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah analisis ekonometrik akan digunakan bagi memperkukuh hasil keputusan akhir dengan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan jangka masa pendek antara semua pembolehubah. Dapatan kajian juga menunjukkan kadar kemiskinan mempunyai pengaruh terhadap bilangan fakir miskin. Ini bersesuaian dengan situasi sekarang di mana apabila kadar kemiskinan menurun, jumlah fakir miskin dalam masyarakat juga akan menurun.

Kata kunci : Agihan zakat, Kadar Kemiskinan, Bilangan Fakir Miskin

ABSTRACT

Problems of poverty still being bogey that is shackling government and often associated with Muslims. Zakat is compulsory thirdly tenets of Islam executed for all Muslims.. In line with function social, zakat have a soul eradicating poverty Zakat collection will be distributed to eight asnaf which qualified cover fakir and poor and share happiness between rich set and poor, teach mankind Islamic cleaned up and distance contrary greedy nature with Islamic principles. Now, Collection Canters management zakat placed below Majlis Agama Islam's supervision. Then small wonder were differences from inside management aspect and administration tithe distribution. Fogginess create issue namely how far zakat effectiveness could eradicate poverty Muslim community in Malaysia general its and in Malacca State especially. To achieve objective of the study, analytical method econometric will be used to strengthen final decision result by looking interrelationship variables chosen. Study findings showing existence span relationship short time among all variable. Study findings showing existence span relationship short time among all variable. Also indicative study findings poverty rate predominate had relationship on number of pauper. This matched to current situation where when poverty decreases rate, number of pauper in society also will decline.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	vii
RUJUKAN	vi
LAMPIRAN	vi
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Metodologi Kajian	9
1.7 Organisasi Kajian	10
1.8 Kesimpulan	11

BAB II LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pengenalan	12
2.2	Latar Belakang Zakat	13
2.3	Sejarah Ringkas Penyarikatan Zakat	16
2.4	Dalil Zakat	17
2.5	Hukum Zakat	19
2.6	Peranan Zakat	19
2.7	Hikmah Amalan Zakat	21
2.8	Syarat Wajib Zakat	21
2.9	Syarat Sah Pelaksanaan Zakat	22
2.10	Jenis-jenis Harta Zakat	23
2.11	Agihan Zakat	24
2.12	Perkembangan Zakat di Malaysia	27
2.13	Penubuhan Badan Pungutan Zakat Negeri Melaka	32
2.14	Prestasi Kutipan Zakat di Melaka	33
2.15	Prosedur Permohonan Bantuan Zakat Melaka	36
2.16	Kajian-kajian Lepas	38
2.17	Kesimpulan	45

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	47
3.3	Penganalisan Data	48
3.4	Pembentukan Model Kajian	48
3.5	Penilaian Model	49
3.6	Definisi Pembolehubah	56
3.7	Penutup	58

BAB IV ANALISIS DAN DATA KEPUTUSAN

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Tren	60
4.3	Analisis Regrasi Mudah	63
4.4	Analisis Keputusan Ujian Punca Unit	64
4.5	Analisis Keputusan Kointegrasi	66
4.6	Analisis VAR	67
4.7	Analisis Keputusan Penyebab Granger	70
4.8	Kesimpulan	71

BAB V : CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Rumusan Kajian	73
5.3	Implikasi Polisi	74
5.4	Saranan Kajian	76
5.5	Rumusan	80

RUJUKAN	81
----------------	-----------

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Kutipan Tahunan Negeri-negeri di Malaysia	31
Jadual 2.2	Prestasi Kutipan Zakat bagi Pusat Zakat Melaka Sebelum Dikopratkan	34
Jadual 2.3	Prestasi Kutipan Zakat bagi Pusat Zakat Melaka Selepas Dikopratkan	35
Jadual 2.4	Jumlah Kutipan dan Jumlah Agihan Negeri Melaka	37
Jadual 4.1	Hasil Keputusan Ujian Punca Unit Root ADF dan PP pada Pelbagai Peringkat	64
Jadual 4.2	Hasil Keputusan Ujian Kointegrasi	66
Jadual 4.3	Hasil Keputusan Ujian VAR Granger-Causality (Ujian Wald)	69
Jadual 4.4	Hasil Keputusan Ujian Penyebab Granger	71

SENARAI RAJAH

Rajah 4.1	Jumlah Kutipan, Jumlah Keseluruhan Agihan dan Jumlah Agihan Fakir Miskin	60
Rajah 4.2	Kadar Inflasi dan kadar Kemiskinan	62

BAB I

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN

Islam adalah agama yang merangkumi prinsip, hukum, sejarah dan tradisi. Elemen-elemen ini merupakan komponen utama yang mencorak kehidupan keagamaan sesebuah masyarakat Islam. Umumnya, prinsip-prinsip serta hukum agama dilahirkan dari sumber wahyu Ilahi, iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Islam diturunkan oleh Allah juga merupakan satu kepercayaan ummat Islam dan nilai untuk memandu manusia mencapai kemuliaan dan al-falah di dunia dan di akhirat. Lantaran itu, Islam mempunyai pendekatan yang tersendiri dalam menyusun keperluan manusia termasuklah dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam. Hal ini secara tidak langsung memberi kesan yang positif terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam.

Kelemahan pencapaian ekonomi merupakan suatu masalah yang sering dikaitkan dengan umat Islam di dunia amnya dan di Malaysia khusus. Bagaimanakah umat Islam boleh begitu terkebelakang pencapaian ekonomi sehinggakan bila memperkatakan soal kemiskinan, kita tidak dapat memisahkannya daripada umat Islam yang jurang pendapatannya masih jauh berbanding kaum lain.

Kemiskinan berada di mana-mana sahaja. Ia bukanlah satu isu baru kerana ia telah lama wujud dalam sejarah manusia tanpa mengira batasan dari segi agama, etnik, negara dan sebagainya. Kemiskinan merupakan penyakit sosial yang menimpa tidak hanya di negara-negara membangun dan miskin, namun juga di negara-negara maju. Ramai yang mengatakan bahawa kemiskinan adalah sebuah takdir sosial yang sulit diingkari sehinggakan kemiskinan merupakan satu persoalan yang menyebabkan munculnya kepincangan sosial. Kemiskinan perlu dilihat dari dua perspektif utama. Pertama, kemiskinan harta benda yang menjadi faktor penting untuk terbabit sama dalam arus pembangunan dan perubahan. Kedua, kemiskinan jiwa, sikap, pemikiran dan kemahuan yang banyak menghalang orang Melayu atau umat Islam maju. Hakikatnya soal kemiskinan adalah sukar ditafsirkan.

Pelbagai definisi umum tentang kemiskinan telah dicipta dan setiap satunya berbeza-beza dan sering dikaitkan dengan kekurangan empat faktor yang sangat penting yang amat mempengaruhi kehidupan manusia ialah tahap kesihatan yang rendah, pendapatan yang rendah, kurangnya pendidikan dan kekurangan infrastruktur. Kesihatan yang rendah menjadi satu masalah untuk mereka mencari rezeki dan seterusnya memperbaiki keadaan kehidupan mereka. Manakala, pendapatan yang rendah pula menyukarkan individu itu mencapai kesejahteraan hidup kerana faktor kekurangan yang dialami mereka. Justeru memiliki ilmu, kemahiran dan modal insan kelas pertama adalah satu elemen yang penting dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan individu itu. Ia membantu dari segi kelayakan yang menjadi faktor utama dalam sesebuah pekerjaan. Akhirnya kekurangan infrastruktur menyebabkan berlakunya kemiskinan. Infrastruktur yang disediakan di sesuatu tempat sebenarnya sangat penting dan ia menjadi lambang kemegahan dan kemajuan sesebuah kawasan. Melalui kemudahan ini, seseorang itu mudah menjalani kehidupan rutin seharian. Kesimpulannya, keempat-empat ciri ini saling berkait rapat antara satu sama lain kerana kemiskinan boleh menyebabkan ciri-ciri tersebut berlaku dan sebaliknya.

Namun apa yang dapat dirangkumkan di sini, sekiranya kemiskinan dinilai dari sudut ekonomi bermaksud ketidakcukupan penguasaan sumber-sumber material sehingga mengakibatkan seseorang itu tidak mampu untuk memainkan peranan yang berkesan sebagai salah seorang ahli dalam sesebuah masyarakat. Ia mencakupi segala aspek pengendalian hidup setiap individu, masyarakat dan negara termasuklah urusan kebajikan. Pendekatan ini mengarahkan umat Islam supaya bersifat inovatif dan proaktif serta berusaha menyusun kehidupan bermasyarakat demi ke arah mewujudkan amalan kebajikan dalam kehidupan yang sihat.

Dalam ajaran Islam, kekayaan itu merupakan satu anugerah Allah s.w.t dan menuntut manusia untuk lebih banyak bersyukur. Sementara kemiskinan dilihat sebagai satu musibah yang harus dihindari dengan pelbagai cara dan suatu permasalahan yang mesti diselesaikan. Rasulullah s.a.w pernah bersabda yang bermaksud :

“Kemiskinan itu hampir-hampir membawa kepada kekufuran.”

(Riwayat Abu Nu’aim daripada Anas)

Berdasarkan hadis di atas, hidup dalam kemiskinan dan melarat adalah penghinaan terhadap syariat Islam. Kemiskinan dalam Islam adalah musuh yang perlu dihapuskan dan dibanteras bagi memelihara kemuliaan Islam dan maruah ummah Islam. Kemiskinan memberikan kesan buruk terhadap manusia dan sekaligus ianya melemahkan masyarakat Islam.

“Salah satu cara terbaik untuk mengangkat martabat agama dan umat Islam adalah melalui reformasi ekonomi...”

(Mazilan Musa Pengarah Pusat Ekonomi, Kajian Sosial dan Teknologi, IKIM)

Reformasi dalam ekonomi mempunyai perluasan dalam meniti maksudnya yang mana antara salah satu yang boleh dilakukan ialah dengan membangkitkan semula fungsi institusi zakat.

Oleh kerana institusi zakat telah berperanan sekian lama semenjak kedatangan Islam ke Tanah Melayu, kini tiba masanya ia perlu berada di landasan yang tepat menjadi ejen pembasmian kemiskinan di peringkat negara. Saranan Datuk Dr. Awang Adek Hussin agar agihan wang zakat digunakan untuk membasmi kemiskinan tegar wajar disambut baik oleh semua masyarakat Islam. Ia membuktikan bahawa kerajaan amat memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak yang mempunyai objektif yang sama iaitu meningkatkan agihan pendapatan dan merapatkan jurang pendapatan antara kaum di Malaysia.

Persidangan zakat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada tahun 2007 telah berjaya menjana pelbagai cadangan dan harapan daripada peserta yang mahu melihat institusi zakat dimartabatkan sehingga menjadi ejen pembangunan umat Islam terpenting, bukan hanya dilihat sebagai tuntutan ibadah semata-mata. Jika dana zakat dapat ditingkatkan dengan jumlah yang banyak, ia akan dapat mengurangkan kebergantungan terhadap hasil negara untuk membasmi kemiskinan tegar seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi dalam Persidangan Negara Islam (OIC) pada tahun 2006 mencadangkan supaya wang zakat digunakan bagi membangunkan sumber pembangunan, terutamanya dalam bidang pembangunan insani. Kita tidak patut melihat zakat hanya sebagai satu bentuk bantuan kebajikan jangka pendek bagi mereka yang memerlukan. Selain membicarakan sumbangan ibadah zakat kepada ekonomi dan peningkatan kehidupan umat, kita haruslah juga cuba menghayati falsafah zakat dan ibadah yang berkaitan dengan pemindahan hak milik harta kepunyaan individu atau keluarga tertentu kepada pihak lain sebagai satu amalan yang dituntut oleh Islam.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Persoalan kemiskinan masih lagi menjadi momok yang menakutkan kerajaan. Masih terdapat lebih 10,000 keluarga yang masih berada pada garis kemiskinan di seluruh negara dan memerlukan bantuan dalam pelbagai aspek. Dari satu aspek, ia menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membawa kelompok ini keluar kepada satu kehidupan yang lebih baik, selesa dan wajar sejajar dengan matlamat Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020. Kita tidak mahu mendengar lagi masyarakat hidup dalam serba kekurangan sehinggakan kemelut ini sering kali meletakkan umat Islam di kancuh kehinaan.

Benarlah seperti kata ulama tersohor Sheikh Yusof Al-Qaradawi bahawa kemiskinan mendatangkan bahaya besar seperti membuatkan manusia hilang pertimbangan moral dan mencemari kemurnian hubungan antara anggota keluarga, mengancam keamanan, kesejahteraan dan kestabilan masyarakat, kebebasan dan kemerdekaan satu bangsa, hidup dalam udara yang tercemar, kegundahan dan kemarahan. Bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi di Kuala Lumpur menegaskan :

“tidak ada cabaran yang paling hebat melanda dunia Islam hari ini selain daripada kemiskinan yang menyebabkan agama dan umatnya dipandang rendah serta diperlekehkan”.

Pelbagai pendapat dan pendekatan sedang dan telah dibincangkan terutamanya dalam sidang-sidang kemuncak peringkat dunia di mana matlamat akhirnya adalah untuk mencari jalan penyelesaian paling berkesan untuk mengurangkan kadar kemiskinan. Selain itu, terdapat beberapa pendekatan yang digunakan bagi mengaplikasikan zakat dalam membasmi kemiskinan. Ini dilakukan dengan menyelami masalah-masalah dan memberi cadangan-cadangan yang diharapkan dapat digunakan dalam menyelesaikan masalah yang wujud.

Menurut Datuk Dr Awang Adek Hussin menyatakan bahawa terdapat lebih kurang 50,000 keluarga di Malaysia dikategorikan sebagai miskin tegar iaitu bersamaan dengan satu peratus daripada 25 juta rakyat Malaysia pada tahun 2005. Daripada jumlah tersebut, 40,000 keluarga tinggal di luar bandar dan 10,000 keluarga lagi tinggal di bandar. Lantaran itu, kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha bagi menangani masalah kemiskinan dan meletakkan sasaran untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam tempoh lima tahun (2004-2009).

Sejajar dengan fungsi sosialnya, zakat memiliki roh membasmi kemiskinan dan berkongsi kebahagiaan antara golongan kaya dan miskin, mengajar umat Islam membersihkan batin dan menjauhkan sifat tamak yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Kini, pengurusan Pusat Pungutan Zakat diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam. Dari segi struktur pengurusan dan pentadbiran ia sangat bergantung kepada Majlis Agama Islam Negeri yang bertanggungjawab menguruskannya. Perbezaan dari segi pengurusan dan pentadbiran menyebabkan wujudnya kepelbagaian kaedah dalam aktiviti pengagihan hasil zakat. Ini merupakan salah satu faktor yang dapat menimbulkan permasalahan dalam urusan pengagihan zakat.

Sehingga kini peranan Institusi Zakat sebagai badan untuk membantu golongan miskin tidak begitu terserlah dan kurang menyakinkan. Salah satu punca atau penyebab berlaku kegagalan ini adalah kegagalan pengagihan zakat secara menyeluruh kepada mereka yang banyak menerima zakat walaupun kutipan zakat menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun.

Jumlah agihan zakat kepada asnaf fakir miskin di Negeri Melaka dikatakan meningkat sepanjang tahun iaitu kita dapat lihat pada tahun 1991 mencatatkan jumlah agihan sebanyak RM 279426 dan meningkat kepada RM 1634976 pada tahun 1995. Di samping itu, kita dapat perhatikan juga kadar kemiskinan semakin menurun tetapi masih ramai lagi masyarakat Melaka hidup dalam kemelatan.

Hal ini dapat dibuktikan dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9), kadar kemiskinan Negeri Melaka telah menurun daripada 12.4 peratus pada tahun 1990 kepada 5.3 peratus pada tahun 1995. Kemudian meningkat kepada 5.7 peratus pada tahun 1999 dan menurun semula kepada 1.8 peratus pada tahun 2004. Negeri Melaka telah mencapai kemiskinan sifar pada bulan Februari 2008 iaitu dua tahun lebih awal dari tarikh yang disasarkan (2010). Walau bagaimanapun, penurunan kadar kemiskinan ini tidaklah boleh dianggap sebagai sesuatu yang boleh berlaku dengan sendirinya ekoran daripada kenaikan pendapatan isi rumah itu kerana di sesetengah negara, kenaikan kadar kemiskinan dan penganjuran jurang sosio-ekonomi boleh berlaku dalam persekitaran pendapatan yang meningkat.

Maka di sini wujud persoalan iaitu sejauhmanakah keberkesanan zakat dapat membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Selain itu, wujud persoalan dalam perkaitan antara peranan zakat dan kemiskinan iaitu fungsi zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan masyarakat Islam di Melaka. Maka dari sini, kertas kerja ini akan mengkaji perkaitan tersebut dan cuba untuk mencari jawapan dan mengatasi kekusutan yang wujud.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1.3.1 OBJEKTIF UMUM

Untuk mengkaji peranan zakat dalam membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam di Negeri Melaka.

1.3.2 OBJEKTIF KHUSUS

- i.) Menganalisis keberkesanan zakat bertindak sebagai agen pembasmi kemiskinan.
- ii.) Menilai agihan zakat dalam menjana pendapatan di kalangan masyarakat miskin.
- iii.) Menganalisis perbelanjaan zakat fakir miskin.
- iv.) Mencadangkan langkah terbaik bagi memastikan keberkesanan agihan zakat dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah.

1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah tertumpu kepada Negeri Melaka di mana ia dibahagikan kepada tiga daerah iaitu daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Kajian ini menumpukan kepada peranan institusi zakat dalam membasmi kemiskinan. Sumber data diperoleh daripada Pusat Zakat Melaka (PZM) bagi tempoh 17 tahun dengan menggunakan data tahunan. Hal ini bagi membuktikan hipotesis yang dibentuk, data-data seperti nilai harta zakat yang diperoleh dapat membantu dalam penyelidikan ini.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting untuk dilaksanakan bagi menerangkan sejauh mana peranan zakat dapat membasmi kemiskinan masyarakat Islam di Negeri Melaka. Peningkatan dalam nilai harta zakat dari tahun ke setahun memberikan satu peluang keemasan atau impak kepada program-program pembasmian kemiskinan tegar di Malaysia amnya dan di Melaka khasnya kerana ia telah dibahagikan mengikut asnaf. Program pembasmian kemiskinan harus lebih efektif dan bukan hanya menawarkan bantuan kewangan bantuan semata-mata bagi mengelakkan ia hanya melahirkan sekumpulan masyarakat yang terus bermentaliti subsidi dan tidak berjaya membantu mereka meningkatkan pendapatan sekiranya keluar dari belunggu kemiskinan.

Kini, usaha membasmi kemiskinan bukan sahaja menjadi agenda negara, tetapi ia merupakan satu agenda utama kepada masyarakat antarabangsa menerusi pewujudan Matlamat Pembangunan Mileneum yang dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana ia menyasarkan pembasmian kemiskinan menjelang tahun 2015.

Melalui hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat memberi kefahaman kepada pengkaji berkenaan institusi zakat selain boleh menjadi sumber maklumat kepada pengkaji akan datang. Selain itu, adalah diharapkan agar dapatan kajian ini akan dapat memberi sumbangan kepada pembuat-pembuat polisi bagi memperkenalkan langkah terbaik dalam membasmi masalah kemiskinan masyarakat Islam amnya melalui harta zakat. Sementalahan itu, kajian ini juga penting kerana ia dapat membantu dengan menjadi sebagai salah satu rujukan kepada program pembasmian kemiskinan.

1.6 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan dilaksanakan menggunakan data sekunder iaitu data yang telah diterbitkan oleh Pusat Zakat Melaka (PZM). Antara data yang diperlukan ialah data jumlah pungutan zakat, data jumlah agihan bagi lapan asnaf dan data kemiskinan Negeri Melaka. Bagi mencapai objektif kajian, perisian Pakej E-View akan digunakan bagi memperkukuh hasil keputusan akhir dengan melihat hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dipilih. Antara ujian-ujian yang bakal dijalankan dalam kajian ini termasuklah Ujian Punca Unit, Ujian Kointegrasi, Ujian Vetor Autoregrasi dan Ujian Sebab-Akibat Granger.

$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \varepsilon$$

di mana:

- Y** = Jumlah nilai kutipan zakat
- X1** = Jumlah agihan zakat fakir miskin
- X2** = Kadar kemiskinan Negeri Melaka
- X3** = Kadar inflasi Negeri Melaka
- ε** = Faktor-faktor lain

1.7 ORGANISASI KAJIAN

Penulisan kertas projek ini akan diorganisasikan di dalam lima bab utama iaitu bab 1 ialah pengenalan, bab 2 latar belakang kajian dan kajian lepas, bab 3 metodologi kajian, bab 4 keputusan kajian dan akhir sekali bab 5 ialah kesimpulan.

Bab 1 merangkumi sembilan pecahan iaitu pengenalan, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian atau limitasi kajian dan jangkaan keputusan. Bab ini lebih menerangkan tentang kajian yang ingin dilaksanakan dan tujuan kajian dibuat.

Bab 2 pula merujuk kepada penerangan latar belakang kajian. Lantaran itu, pengumpulan kajian-kajian lepas daripada pelbagai sumber sekunder oleh para cendekiawan serta pakar ekonomi bagi membantu kajian dijalankan. Antara bentuk sumber-sumber sekunder termasuklah jurnal, dokumen kerajaan, risalah dan sebagainya.

Bab 3 pengkaji akan membincangkan secara terperinci dan lebih mendalam tentang metodologi kajian dalam membuktikan dapatan kajian tersebut. Ia meliputi kaedah-kaedah dan ujian-ujian yang akan dilakukan. Kaedah yang akan digunapakai ialah Perisian Pakej E-View. Di samping itu, ia lebih kepada persamaan yang dibina bagi membuktikan sama ada pembolehubah-pembolehubah bebas dapat mempengaruhi atau tidak terhadap kajian yang ingin dilakukan. Melalui kaedah ini, satu model kajian akan terbentuk dan model ini akan digunakan untuk membuat hipotesis kajian.

Sementalahan itu, bab 4 pula akan membincangkan lebih mendalam keputusan kajian secara terperinci. Setiap keputusan akan dibuktikan kesahihan dan kesahannya. Beberapa interpretasi hasil daripada keputusan yang diperolehi akan diutarakan dalam bab ini.

Bab 5 merupakan bab yang terakhir yang mana hasil kajian akan dirumuskan. Dalam bab ini juga membincangkan berkaitan polisi dan saranan atau cadangan terhadap kajian dilakukan.

1.8 KESIMPULAN

Penyelesaian kepada masalah kemiskinan ini memerlukan tindakan progresif serta pendekatan berorientasikan cita-cita keadilan sosial yang dituntut oleh Islam melalui sumbangan zakat. Dalam era pembangunan dan kemajuan ekonomi yang sedang berlaku kini, Institusi Zakat hendaklah digerakkan bersama-sama menyertai arus pembangunan. Hal ini membuktikan Islam membawa ajaran dinamik tanpa unsur paksaan dan progresif sesuai dengan perkembangan dan perubahan masa.

Tentu kita umat Islam di negeri ini merasa megah apabila kita sendiri dapat menegakkan syiar Islam di samping apa yang selama ini telah dilakukan oleh kerajaan. Semoga dengan sumbangan umat Islam seluruhnya akan dapat memartabatkan lagi syiar Islam dan meningkatkan lagi komitmen umat Islam serta melaksanakan tanggungjawab sosial dan pembangunan hingga ke akhir hayat.

BAB II

LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian dan kajian-kajian lepas secara menyeluruh mengenai zakat iaitu latar belakang zakat, hukum membayar zakat, peranan zakat, jenis-jenis harta zakat dan sebagainya. Selain itu, bab ini juga turut memuatkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan kajian-kajian lepas di mana ia telah dijalankan berkenaan zakat yang pernah dihuraikan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini bagi membuktikan kewajaran untuk melakukan kajian ini. Kajian kesustaraan ini juga penting bagi memastikan tiada pembolehubah penting yang tertinggal dalam kajian ini. Ia juga akan memberi asas yang baik dalam membina rangka kerja penyelidikan. Kajian lepas ini akan menjadi panduan kepada pengkaji dalam mengkaji peranan zakat dalam membasmi kemiskinan masyarakat Islam.

Kebanyakan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu hanya tertumpu kepada latar belakang zakat, peranan dan pentadbiran zakat sahaja yang mana ia banyak membincangkan kegemilangan institusi zakat dari zaman Nabi dan para sahabat di mana zakat merupakan sebagai salah satu sumber yang penting dalam membangunkan sesebuah masyarakat. Namun pada satu tahap, institusi zakat telah mengalami kejatuhan akibat daripada ketidakcekapan dan salah guna kuasa dalam menguruskan harta-harta zakat di kalangan para pentadbir (amil). Secara keseluruhannya, Institusi zakat di negara ini telah berjaya memainkan peranannya bagi memastikan tiada seorang pun rakyat miskin terlepas daripada mendapat bahagiannya.

2.2 LATAR BELAKANG ZAKAT

Islam merupakan satu agama yang lengkap mencakupi seluruh aspek dan ruang lingkup kehidupan manusia. Aspek persaudaraan dalam kehidupan merupakan salah satu aspek yang sangat dititikberatkan. Ini kerana, tidak semua manusia yang hidup di dunia ini menikmati hidup yang mewah. Pelbagai golongan mendiami bumi ini iaitu terdiri daripada orang kaya, miskin, anak yatim dan sebagainya. Di sini, dapat dilihat, ada golongan yang bernasib baik dan sebaliknya. Sehubungan dengan itu, untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ini, maka Allah telah mensyari'atkan satu sistem atau kaedah yang dikenali sebagai "zakat" untuk membantu golongan tersebut.

Dari segi bahasa, zakat berasal daripada perkataan Arab daripada kata dasar zakat yang bererti penambahan atau pensucian. Pengertian pertama bermaksud memberi dan menambah kemakmuran dan pahala umat Islam. Pengertian kedua pula bererti pembayaran bagi mensucikan jiwa umat Islam. Zakat juga dapat didefinisikan dalam bahasa mudah adalah sebagai badan kebajikan kepada umat Islam.

Zakat yang dijana dengan baik dan menepati falsafah syariat, dapat berperanan untuk menstabilkan ekonomi umat Islam. Konsep zakat dalam menstabilkan ekonomi hendaklah dilihat dalam konteks yang luas, tidak hanya terbatas sekadar mengutip dan mengagihkan wang zakat dalam konteks yang konservatif. Membasmi kemiskinan dengan harta zakat merupakan tujuan utama kewajipan untuk mengeluarkan zakat. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud :

“Dan pada harta-harta mereka, ada hak untuk orang miskin yang meminta dan yang tidak meminta.”

(Surah Adz-Zaariyat, ayat 19)

Zakat merupakan syariat kemanusiaan yang kekal serta diwarisi daripada nabi-nabi terdahulu. Allah berfirman yang bermaksud :

“Dan kami kurniakan Ishak (anaknyanya) dan Yaakub (cucunya) sebagai tambahan dan tiap-tiap seorang dari mereka kami jadikan orang yang salih. Dan kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan yang memimpin (manusia ke jalan yang benar) dengan perintah kami dan kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan, mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka sentiasa beribadah kepada kami”.

Dalam Al-Quran, perkataan zakat diberi tujuh makna iaitu syahadah (surah ‘Abasa,7), zakat (Surah al-Bakarah,227), zakat fitrah (surah al-A’la,14) dan lain-lain. Zakat dari segi istilah pula adalah mengeluarkan jumlah tertentu kepada golongan tertentu berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Menurut istilah syarak pula, zakat ialah sebahagian harta yang diwajibkan oleh Allah S.W.T untuk diberikan kepada golongan-golongan yang berhak. Kadar tertentu yang diberikan kepada orang tertentu dan lafaz zakat digunakan terhadap bahagian tertentu bagi orang yang wajib mengeluarkan zakat.

Kewajiban melaksanakan ibadah ini terkandung dalam rukun Islam yang keempat. Ibadah ini wajib dilaksana oleh seseorang umat Islam apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ia terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya zakat fitrah, zakat pendapatan, zakat pertanian, zakat wang simpanan dan zakat dalam pelbagai bentuk harta yang lain mengikut 'uruf yang telah difatwakan oleh ulama' mu'tabar.

Tahun permulaan diwajibkan zakat masih belum dapat dipastikan dengan tepat oleh ahli sejarah dan perundangan Islam. Oleh itu, amatlah sukar untuk menentukan sejarah awal kewajipan zakat kerana ahli-ahli sejarah memberikan pelbagai tarikh yang berlainan antara sesama mereka. Walau bagaimanapun, sejarah kewajipan zakat boleh dilihat dalam tiga peringkat iaitu:

1. Peringkat sebelum kedatangan Islam.
2. Peringkat sebelum hijrah Nabi Muhammad (s.a.w) ke Madinah.
3. Peringkat selepas hijrah Nabi Muhammad (s.a.w) ke Madinah.

Sebelum Nabi Muhammad (s.a.w) diangkat menjadi Rasul, sistem yang menyerupai zakat telah diperkenalkan oleh agama yang wujud pada masa itu, sama ada agama budaya atau agama langit. Perhatian yang lebih serius biasanya ditonjolkan oleh agama Samawi (agama langit) dan agama hanif (agama Nabi Ibrahim (as)) yang dibawa oleh nabi-nabi yang terdahulu. Dalam Al-Quran, Allah (s.w.t) menyebutkan beberapa orang nabi telah melaksanakan zakat pada zaman kenabian mereka. Antaranya ialah Nabi Ibrahim (as), Nabi Ya'qub (as), Nabi Isma'il (as) dan Nabi Isa (as).

Zakat harta benda mula diwajibkan oleh Allah (s.w.t) sejak permulaan Islam lagi iaitu sebelum hijrah Baginda ke Madinah. Perkara ini dilandaskan atas dasar tolong-menolong antara golongan yang berada dengan golongan miskin, sebagai satu daripada amal kebajikan yang dipandang mulia. Kewajipan zakat pada masa ini hanya bertaraf pilihan (ikhtiar) tanpa dihadkan kadar nisab dan jenis harta benda yang hendak dikeluarkan zakat.

2.3 SEJARAH RINGKAS PENSYARIATAN ZAKAT

2.3.1 PENSYARIATAN ZAKAT DI MAKKAH

Masih terlalu awal untuk memperkatakan bahawa zakat di syariatkan di Kota Makkah, kerana dari faktor sejarah Perundangan Islam menyebut bahawa zakat telah di syariatkan di Madinah pada tahun kedua Hijrah. Sedangkan terdapat banyak ayat Makkiy yang menyentuh tentang zakat. Antaranya supaya memberikan makanan kepada golongan miskin, melalui firman Allah (SWT) yang bermaksud:

“Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang miskin”

(Surah al-Muddassir :44)

Hakikatnya, zakat seperti mana yang disebut melalui ayat Makkiy ini bukanlah menyamai pengertian zakat yang disyariatkan di Madinah. Hal ini kerana zakat pada zaman permulaan ini tidaklah ditentukan kadar yang diwajibkan. Ianya lebih merupakan suatu unsur tazkiah terhadap individu muslim ketika pada zaman itu dan menguji semangat setia kawan dan persaudaraan yang sejati di antara mereka.

2.3.2 PENSYARIATAN ZAKAT DI MADINAH

Madinah merupakan maddah utama pelaksanaan zakat secara praktikalnya. Zakat pada peringkat ini merupakan kewajipan bermasyarakat. Perkembangan demi perkembangan ini mendesak agar diwujudkan satu sistem zakat yang lebih sistematik dan tersusun. Pada masa itu, Islam telah membangun seiring dengan pembangunan fizikal umatnya. Sehingga pada tahun kedua hijrah, kerajaan Madinah telah menentukan kadar-kadar dan jenis harta yang diwajibkan zakat secara tafsil.

Keadaan ini berlaku adalah kerana mengikut perkembangan dakwah Islamiah yang semakin ketara khusus untuk menyeru ke arah pentauhidan Allah (SWT). Ianya turut bermotif untuk menyusun masyarakat yang adil bagi membina negara yang aman dan berjaya yang dituntut oleh syarak bagi mencapai maksud “Baladun Thayyibatun wa Rabbun Ghafur”.

2.4 DALIL ZAKAT

Kewajipan membayar zakat adalah sama wajibnya dengan menunaikan solat fardu seharian dan ia merupakan rukun Islam yang lima. Kewajipan membayar zakat ini dapat dibuktikan melalui dalil Al-Quran, Al hadis dan fakta sejarah seperti di bawah.

Al-Quran dan zakat

“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-orang yang bertaqwa”.

(Surah Al-Baqarah : 177)

Hadis Nabawi dan Zakat

“Barangsiapa yang memberikannya (zakat) dengan mengharapkan (pahala dari Allah), maka ia akan mendapatkannya, dan barangsiapa yang enggan mengeluarkannya maka kami akan mengambil sebahagian hartanya sebagai balasan dari Tuhannya dan tidaklah halal bagi keluarga Muhammad untuk memakan harta zakat”

(Riwayat Ahmad, Nasai dan Abu Daud)

Fakta Sejarah

Ibadah zakat bermula semasa baginda melaksanakan tindakan mengemaskinikan institusi zakat. Ramai pegawai petugas zakat telah dilantik dan dihantar ke seluruh wilayah Islam. Mereka ditugaskan untuk memungut zakat dan kemudian diagihkan kepada golongan yang berhak. Golongan fakir miskin diberi keutamaan oleh Rasulullah S.A.W di dalam agihan zakat. Ini jelas dilihat dari perintah Baginda terhadap Muadz bin Jabal ketika diutus ke Yaman :

Sampaikanlah kepada mereka, bahawa Allah telah mewajibkan zakat harta benda mereka, yang dipungut dari orang-orang kaya, kemudian dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan mereka.

2.5 HUKUM ZAKAT

Kewajiban zakat kepada individu Muslim adalah sama sepertimana kefarduan solat untuk menjadi seorang Islam yang sempurna. Ia mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan perkataannya dengan solat di dalam Al-Quran. Zakat wajib dikeluarkan ke atas beberapa jenis harta yang telah ditetapkan setelah memenuhi syarat dan tempoh tertentu.

Mengingkari kewajipan zakat adalah kafir atau murtad (Al-Syaukani 1973:170). Pemerintah dibolehkan memaksa dan memerangi golongan yang ingkar membayar zakat sebagaimana berlaku di zaman khalifah Abu Bakar r.a. Seseorang yang murtad boleh dipaksa bertaubat. Sekiranya enggan bertaubat boleh dihukum bunuh. Hal ini dinyatakan oleh Imam Nawawi dan juga Ibnu Hajar.

2.6 PERANAN ZAKAT

2.6.1 ASPEK SOSIAL

Zakat merupakan bayaran wajib yang mesti dibayar oleh setiap anggota masyarakat Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Tabung zakat ini dapat digunakan untuk membantu ahli masyarakat yang kurang berupaya. Melalui zakat dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling berkerjasama iaitu bertindak sebagai syarikat insurans dan tabung simpanan masyarakat Islam. Selain itu, zakat juga bertindak sebagai modal tambahan yang dibiayai oleh masyarakat untuk membantu orang-orang yang menganggur, anak-anak yatim, orang-orang cacat, dan sebagainya. Dengan perkataan lain, ia merupakan insurans sosial yang penting bagi setiap anggota masyarakat Islam bagi menjamin masa hadapan yang cerah. (Maulana Abul A'la, Islam aur Jadid Muashi Nazriyyat, hlm. 130-131).

2.6.2 ASPEK EKONOMI

Matlamat zakat ialah untuk merapatkan perbezaan jurang ekonomi atau pendapatan dalam sesebuah masyarakat ke tahap yang paling minimum. Ia bertujuan untuk mencipta perbezaan ekonomi yang adil dan saksama di kalangan orang ramai supaya orang-orang kaya tidak akan menjadi lebih kaya manakala orang yang miskin tidak menjadi lebih miskin. Kenyataan ini ada kaitan dengan pandangan Rasullullah s.a.w yang menggambarkan zakat sebagai wang yang diambil daripada orang-orang kaya untuk dikembalikan kepada orang-orang miskin.

Di samping itu, zakat juga menggalakkan pelaburan modal dalam industri dan perdagangan akibat daripada faktor psikologi. Zakat yang dibayar untuk mendapatkan keredhaan Allah akan menggalakkan orang ramai menggunakan modal sebaik mungkin untuk tujuan yang produktif supaya boleh mendapat lebih banyak harta dan dapat membayar zakat dengan lebih banyak dan seterusnya mendapat keredhaan Allah dengan lebih besar. Faktor ini meresap ke seluruh jiwa masyarakat Islam untuk menawarkan modal yang mencukupi bagi membolehkan kitaran industri dan perniagaan terus berpusing.

Tambahan lagi, apabila lebih banyak modal dilaburkan dalam industri dan perniagaan maka lebih banyak keuntungan yang diharapkan akan diperolehi. Oleh itu, orang ramai digalakkan melabur modal mereka daripada menyimpannya secara beku. Jika institusi zakat dihidupkan dalam bentuknya yang sebenar dan apa jua bentuk harta beku dikenakan zakat, ini bermakna semua harta yang tersembunyi (tidak produktif) akan dilaburkan dalam industri-industri yang produktif.

Berdasarkan peranan zakat di atas, sudah tentu ianya berupaya menggalakkan kegiatan pelaburan dan mendorong perbelanjaan. Di samping itu, pertambahan tahap penggunaan agregat akan menghasilkan permintaan berkesan terhadap barangan keluaran industri dalam negara sekali gus menambahkan guna tenaga dalam negara.

2.7 HIKMAH AMALAN ZAKAT

- i. Zakat mampu mentarbiah serta mengasuh jiwa Muslim supaya cenderung dan mencintai pengorbanan, di samping mensucikan harta daripada hak orang lain (lapan asnaf) dan membersihkan rohani daripada sifat mazmumah seperti tamak, bakhil dan kedekut.
- ii. Membersihkan dan mengikis akhlak yang buruk.
- iii. Alat pembersih harta dan penjagaan dari ketamakan orang jahat.
- iv. Ungkapan rasa syukur atas nikmat yang Allah s.w.t berikan.
- v. Untuk pengembangan potensi masyarakat.
- vi. Sokongan moral kepada orang yang baru masuk Islam (mualaf).
- vii. Menambah pendapatan negara untuk projek-projek yang bermanfaat bagi masyarakat.
- viii. Selain itu juga, zakat merupakan ibadah yang memiliki nilai dimensi ganda, trasendental dan horizontal.

2.8 SYARAT WAJIB ZAKAT

Zakat diwajibkan ke atas beberapa jenis harta dengan diletakkan beberapa syarat yang mesti dipenuhi. Syarat-syarat wajib zakat ini dibuat untuk membantu pembayar zakat agar dapat membayar zakat dengan rela hati sehingga matlamat sebenar zakat disyariatkan akan tercapai.

I. Islam

Zakat tidak wajib ke atas orang bukan Islam.

II. Merdeka

Hamba tidak diwajibkan membayar zakat kecuali zakat fitrah sahaja yang perlu dijelaskan oleh tuannya.

III. Sempurna Milik

Bermaksud harta yang dimiliki berada di dalam pengawasan penuh pemiliknya tanpa bersangkutan dengan hak orang lain seperti hutang dan barang amanah.

IV. Sempurna Haul

Haul adalah pusingan 12 bulan hijrah iaitu genap setahun (354 hari).

V. Cukup Nisab

Kadar minima yang ditetapkan oleh syarak bagi sesuatu harta untuk dikenakan zakat. Mengikut nilai semasa emas sebanyak 20 miskal atau 85 gram. Kekurangan daripada kadar nisab menyebabkan gugur kewajipan mengeluarkan zakat.

2.9 SYARAT SAH PELAKSANAAN ZAKAT

Maksud syarat sah pelaksanaan zakat di sini adalah langkah-langkah yang mesti diikuti oleh seseorang yang ingin mengeluarkan zakat harta supaya pengeluarannya menjadi sah. Ia bukan sahaja melibatkan syarat-syarat pengeluar zakat ataupun syarat-syarat harta yang dikenakan zakat, malah ia turut mengandungi tentang cara-cara mengeluarkan zakat yang sah. Oleh hal yang demikian, pengeluarnya mendapat pahala dan kewajipan berzakat telah diselesaikan oleh pengeluarnya. Antara syarat-syarat adalah seperti berikut :

I. Niat

Jumhur ulama bersepakat bahawa niat diperlukan ketika pelaksanaan zakat. Ketetapan ini berdasarkan hadith :

“Sesungguhnya amalan dengan niat”

Niat yang wajib ialah di hati manakala melafazkan perkataan di mulut tidak diwajibkan.

II. Mempermilikkan Harta Kepada Asnaf

Harta zakat mestilah diberikan kepada mereka yang layak menerimanya secara pemilikan kekal, bukannya dalam bentuk hutang atau pinjaman atau perkongsian dan sebagainya. Tetapi pemberian tersebut mestilah menjadi milik fakir miskin atau asnaf lain. Dengan itu, adalah tidak cukup atau tidak sah mengeluarkan zakat sekadar menghidang makanan kepada asnafnya.

2.10 JENIS-JENIS HARTA ZAKAT

Secara umumnya, zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu Zakat Fitrah dan Zakat Harta. Zakat Fitrah diwajibkan pada tahun kedua hijrah iaitu tahun diwajibkan puasa di bulan Ramadhan. Tujuannya adalah untuk menyucikan orang yang berpuasa daripada ucapan dan perbuatan yang sia-sia. Ia juga bertujuan memberi makanan kepada golongan miskin dan mencukupkan keperluan mereka pada pagi raya. Dengan itu, golongan fakir dan miskin juga tidak ketinggalan untuk bergembira meraikan hari raya. Zakat Fitrah berbeza daripada Zakat Harta kerana ia merupakan pembayaran yang dibuat ke atas diri atau individu. Zakat Fitrah tidak disyaratkan haul dan nisab. Zakat Fitrah hanya berkenaan diri atau kepala sahaja.

Zakat Harta merupakan kumpulan zakat yang terpenting dan terbesar dalam Islam kerana ia bergantung dengan harta-harta tertentu yang dimiliki oleh seseorang berdasarkan syarat-syarat tertentu. Islam tidak menghadkan jenis barangan tertentu sahaja yang dikenakan zakat. Hal ini kerana sumber-sumber kemasukan harta zakat bukanlah merupakan perkara ta'abudiyah bahkanlah ianya adalah suatu perkara ijthadiyyah. Jenis-jenis harta yang diwajibkan zakat dalam terdiri daripada harta-harta yang terpenting dalam sektor ekonomi seperti pertanian, perniagaan, perlombongan, emas perak dan lain-lain. Sebelum diwajibkan zakat ke atas sesuatu harta mestilah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat wajib zakat. Zakat ke atas harta tertentu yang memenuhi syarat wajib zakat iaitu Islam, merdeka, harta dimiliki dengan sempurna, cukup haul, cukup nisab serta harta yang boleh berkembang dan produktif.

2.11 AGIHAN ZAKAT

Zakat diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka. Ia diagihkan untuk memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Zakat hanya boleh diagihkan kepada golongan-golongan tertentu sahaja. Wujud lapan golongan asnaf yang layak menerima agihan zakat iaitu seperti berikut :

1. Golongan Fakir

Merujuk kepada orang yang tidak memiliki harta atau pekerjaan tetap dan tidak mampu memenuhi keperluan asas. Mereka hanya mampu menyediakan kurang daripada separuh keperluan asasi harian tanpa mendapat bantuan daripada mana-mana pihak. Mereka tidak memiliki harta dan sumber pendapatan yang halal mengikut pendapatan jumbuh ulama fekah atau orang yang memiliki harta kurang dari kadar nisab syar'ie zakat mengikut pendapat mazhab Hanafi. Kedudukan mereka lebih teruk daripada kedudukan orang-orang miskin dan terdapat pendapat yang mengatakan sebaliknya.

2. Golongan Miskin

Mereka yang mempunyai sumber pendapatan yang hanya memenuhi separuh atau lebih daripada keperluan asas untuk hidup tetapi tidak sampai memenuhi had kifayah (kecukupan asas sebenar). Selain itu, mereka memerlukan bantuan kerana hasil pendapatan mereka hanya cukup untuk menampung keperluan asas mereka sesuai mengikut kebiasaan masyarakat. Mereka memiliki harta atau mempunyai sumber pendapatan yang sesuai untuk menampung sebahagian dari keperluannya tetapi masih lagi tidak mencukupi mengikut pendapat majoriti ulama. Golongan miskin ini juga tidak menzahirkan kemiskinan mereka. Mengikut RMK9, mereka ini berada dalam golongan berpendapatan kurang dari RM 661 sebulan.

3. Amil Zakat

Amil ialah orang, organisasi atau badan yang mendapat izin oleh kerajaan bagi mengurus, mengutip, mengumpul dan mengagihkan dana zakat. Mereka yang terlibat dengan pekerjaan berkaitan zakat, maka layak mendapat gaji dari dana zakat.

4. Muallaf

Muallaf ialah golongan yang berada di antara batas kekufuran dan keislaman. Ia masih dalam peringkat dipujuk untuk masuk menjadi komoditi Islam yang sah. Pemberian dana zakat terdapat mereka bertujuan menambat hati mereka memeluk agama Islam dan mengukuhkan pendirian dan moral mereka terhadap agama Islam sebagai sokongan terhadap mereka. Di samping itu, agihan zakat ini dapat meredakan permusuhan mereka terhadap agama Islam atau kembali kepada fitrah dan norma kemanusiaan yang hanif.

5. Hamba

Mereka yang dimiliki oleh tuannya bagi membolehkan mereka membebaskan atau menebus diri masing-masing. Memandangkan pada masa ini, golongan ini sudah tiada, bahagian zakat mereka dipindahkan kepada golongan-golongan lain yang berhak menerima harta zakat mengikut pendapat ulama fekah. Sebahagian ulama berpendapat bahagian ini masih dilaksanakan iaitu kepada tenter-tentera Islam yang menjadi tawanan.

6. Orang yang Berhutang

Berhutang bukan untuk menjayakan projek-projek maksiat. Hutang terbahagi kepada dua jenis :

- a) Berhutang kerana melaksanakan kepentingan individu seperti menjalankan perniagaan tetapi perniagaannya menghadapi kerugian dan tidak berkemampuan untuk membayarnya. Dalam hal ini, sistem zakat diibaratkan sebagai melaksanakan skim insuran kemasyarakatan untuk mengurangkan kecelakaan atau kerugian yang menimpa.
- b) Berhutang disebabkan kepentingan orang lain seperti seseorang yang terpaksa berhutang kerana kebajikan awam yang bertujuan persaudaraan dan kebajikan di antara mereka sehingga ia kerugian atau disebabkan kegawatan ekonomi. Dana zakat boleh membantu menyelesaikan hutang biarpun ia terdiri daripada individu, syarikat atau negara. Bantuan ini sebagai satu perangsang ke atas kerja kebajikan dan amalan ehsan yang telah dilakukan terhadap masyarakat.

7. Fi Sabilillah

Mereka yang berjuang dan bekerja bagi meningkatkan syiar Islam termasuk bagi kegunaan seperti pembangunan ummah dan masalah am. Orang yang berjuang di jalan Allah dalam pengertian yang sangat meluas sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ulama-ulama fekah adalah dengan maksud untuk menjaga agama dan meninggikan kalimah Allah seperti berperang, berusaha menegakkan hukum Islam, menolak fitnah-fitnah yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam dan membendung arus pemikiran-pemikiran yang bertentangan Islam. Oleh itu, pengertian jihad tidak hanya terbatas kepada kegiatan ketenteraan sahaja.

8. Ibnu Sabil

Ibnu Sabil ialah orang yang bermusafir tetapi kehabisan belanja semasa dalam musafir disebabkan kecelakaan atau halangan di luar dugaan seperti bencana alam, siasah atau jenayah sehingga tujuan musafir belum tercapai. Pemusafir ini boleh diberikan dana zakat sehingga ia pulang bertemu dengan keluarganya, biarpun ia seorang yang kaya semasa ia tinggal di negara asalnya.

2.12 PERKEMBANGAN ZAKAT DI MALAYSIA

2.12.1 Sejarah Zakat di Malaysia

Selepas kedatangan Islam di Tanah Melayu, zakat menjadi pegangan umat Islam sebagaimana juga amalan sembahyang, puasa dan haji yang membentuk rukun Islam yang lima. Walau bagaimanapun, maklumat berkaitan zakat dan pelaksanaannya pada zaman sebelum penjajah secara terperinci amat berkurangan. Apa yang berlaku ketika itu, zakat tidak ditadbir secara tersusun di bawah bidang kuasa kerajaan atau pemerintah.

Apa yang menjadi kebiasaan adalah amalan turun-temurun di mana zakat dikeluarkan oleh penduduk kampung dan seterusnya diberikan kepada guru-guru agama untuk diagihkan kepada asnaf-asnaf. Dalam hal ini, guru-guru agama bertindak sebagai amil memandangkan mereka merupakan orang yang lebih arif berhubung dengan kefarduan zakat termasuklah dalam hal yang berkaitan haul, nisab, pengiraan zakat dan sebagainya sehinggalah dalam masalah pengutipan dan pengagihan dana zakat.

Pengurusan zakat di Malaysia sebelum tahun 1990-an telah diuruskan oleh Baitulmal di mana badan tersebut bertanggungjawab mengendalikan urusan zakat, sedekah, harta pusaka dan sebagainya. Pungutan zakat pada masa itu tidak mencerminkan potensi sebenar kerana Baitulmal hanya memberi tumpuan kepada zakat fitrah dan padi manakala zakat harta dan zakat perniagaan tidak diberi perhatian. Selain itu, zakat diagihkan terus kepada asnaf secara sendiri dan tiada pengkhususan kerja bagi pegawai zakat. Namun pada era tahun 1990-an sehinggalah ke hari ini sebuah Institusi Khas ditubuhkan untuk mengurus kutipan zakat secara korporat dan profesional bagi setiap negeri. Konsep pengkorporatan pengurusan institusi zakat berdasarkan ciri-ciri :

- i. Memungut dan mengagihkan zakat secara korporat
- ii. Membina kaunter untuk memungut zakat
- iii. Menggunakan sistem ICT
- iv. Mengurangkan birokrasi untuk mempercepatkan penyampaian

- v. Menjaga kebajikan kakitangan
- vi. Pengambilan kakitangan yang profesional dapat dilakukan

2.12.2 Zaman Penjajah Inggeris

Selepas kedatangan Inggeris, pentadbiran negeri-negeri Melayu dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama adalah berkaitan dengan Islam dan adat-istiadat Melayu di mana ia diserahkan kepada suatu badan negeri yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIAIM). Bagi bahagian yang kedua pula, adalah berkaitan selain daripada hal ehwal Islam seperti perundangan awam, kewangan, pendidikan dan sebagainya yang ditadbir dan dikawal selia oleh penjajah Inggeris.

Melalui penubuhan MAIAIM di setiap negeri, pentadbiran zakat telah diletakkan di bawah bidang kuasa badan ini. Negeri Kelantan merupakan negeri yang pertama menubuhkan badan ini dan seterusnya menjadi rol model kepada negeri-negeri lain. Pada awal pelaksanaannya, pentadbiran zakat di setiap kampung diletakkan di bawah imam kampung. Sebahagian kutipan zakat akan diserahkan kepada kerajaan negeri sebagai satu daripada sumber pembiayaan hal ehwal negeri berkaitan dengan Islam.

Perkembangan zakat ini adalah berterusan sehingga ke hari ini. Unsur-unsur umumnya tetap sama iaitu kebanyakan pentadbiran zakat setiap negeri adalah di bawah MAIAIM yang terdapat unit zakat di bawahnya kecuali di beberapa negeri yang mana pentadbiran zakat diletak di bawah satu badan yang dipanggil Pusat Pungutan Zakat (PPZ) contohnya Selangor. Berbeza di Kedah, pentadbiran zakat diletakkan di bawah sebuah badan lembaga bebas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Zakat.

2.12.3 Perundangan Zakat di Malaysia

Sistem perundangan zakat di negara ini dipercayai telahpun wujud semenjak pertapakan Islam di Tanah Melayu lagi. Peruntukan undang-undang mengenainya telah dikanunkan di samping perkara-perkara lain mengenai Hukum Syarak. Antara bukti terawal mengenainya adalah peruntukan Fasal 3 (Bab 2: Tembera Dato Seri Paduka Tuan 1078 S.H., 1667 A.D.) Undang-undang Kedah yang memperuntukkan bahawa :

“Barang siapa berbuat bendang atau huma, maka hendaklah kerasi suroh keluarkan zakat; seperti benar hisab-nya yang di-peroleh-nya itu, suroh keluarkan sa-puloh emas zakat-nya itu. Apa-bila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, maka hendak-lah kweng kerasi keluar zakat itu, menurut seperti hukum Allah taala”

Daripada bukti ini adalah jelas bahawa undang-undang berkaitan zakat telah wujud kesekian lamanya dan bukan hanya bermula semasa pemerintahan British di Malaya sebagaimana yang didakwa oleh Moshe Yegar dalam bukunya *Islam and Islamic Institutions in British Malaya*.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan agama Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri. Justeru, peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan zakat yang dibuat oleh Majlis Perundangan Negeri. Maka, didapati bahawa setiap negeri mempunyai undang-undang zakat secara tersendiri yang terkandung dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam negeri.

Kebebasan setiap negeri membuat undang-undang zakat yang tersendiri telah mengakibatkan perbezaan dalam beberapa aspek pentadbiran dan cara penguatkuasaan undang-undang zakat. Menurut Aidit Ghazali, terdapat tiga aspek utama yang dapat dikemukakan berkaitan dengan undang-undang zakat di Malaysia. Ini termasuklah jenis-jenis zakat yang boleh dikutip oleh pelbagai saluran rasmi, pendakwaan untuk kesalahan zakat dan bentuk hukuman serta jumlah denda yang boleh dikenakan oleh setiap badan penguatkuasaan undang-undang zakat.

2.12.4 KEDUDUKAN MASA KINI HARTA ZAKAT DI MALAYSIA

Institusi zakat mempunyai potensi yang besar dalam memberi impak yang positif kepada penyusunan dan pembangunan ekonomi ummah. Melalui zakat, sektor swasta dapat digembeleng untuk lebih berperanan bagi menzakatkan harta berlebihan dalam membangunkan masyarakat umum khususnya golongan fakir dan miskin. Di Malaysia, amalan zakat dikawal selia oleh perundangan di setiap negeri melalui pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri.

Jadual 2.1
Kutipan Tahunan Negeri-negeri di Malaysia

BIL	NEGERI	2004		2005	
		(RM)	Peratus	(RM)	Peratus
1	Wilayah Persekutuan	110,631,584.04	23	126,746,029.77	24.4
2	Selangor	108,826,547.05	23	123,782,912.00	23.8
3	Johor	38,052,802.64	8.0	41,166,136.48	7.9
4	Terengganu	36,147,739.28	7.6	36,301,165.95	7.0
5	Perak	25,724,715.39	5.4	22,680,408.78	4.4
6	Pulau Pinang	23,288,019.00	4.9	25,559,617.00	4.9
7	Pahang	22,917,724.25	4.8	26,991,593.00	5.2
8	Kelantan	22,440,931.30	4.7	24,641,490.46	4.7
9	Negeri Sembilan	19,037,286.24	4.0	20,493,433.91	3.9
10	Kedah	22,205,222.54	4.7	29,761,051	5.7
11	Melaka	14,238,492.58	3.0	15,695,466.47	3.0
12	Serawak	15,566,982.51	3.3	12,286,438.30	2.4
13	Sabah	7,784,937.74	1.6	7,060,358.92	1.4
14	Perlis	6,406,109.00	1.4	5,837,157.38	1.1
	Jumlah	473,269,093	100	519,203,260.07	100

Sumber : Pusat Pungutan Zakat (2004-2005)

Jadual 2.1 menunjukkan jumlah kutipan zakat bagi seluruh negeri di Malaysia bagi tahun 2004 hingga 2005. Jelas menunjukkan di sini bahawa kutipan zakat bagi negeri-negeri di Malaysia mengalami pola peningkatan pada setiap tahun. Hal ini kerana terdapat kemudahan kaunter untuk membayar zakat serta peningkatan kesedaran masyarakat terhadap kewajipan membayar zakat.

2.13 PENUBUHAN BADAN PUNGUTAN ZAKAT NEGERI MELAKA

Satu perkembangan yang sedang berlaku di Malaysia yang berkaitan dengan zakat adalah penubuhan satu badan khusus yang bertujuan melicinkan lagi sistem pungutan zakat. Antara negeri yang telah menubuhkan badan ini ialah Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Melaka dan sebagainya. Di Melaka, ia dikenali sebagai Pusat Zakat Melaka (PZM) dan telah ditubuhkan pada tahun 1996. Sebelum itu segala pengurusan zakat adalah dikendalikan dan diuruskan oleh Kaunter Zakat Berkomputer. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Pusat Zakat Melaka (PZM) telah diamanahkan untuk menjalankan pengurusan zakat secara profesional bagi memungut dan mengagihkan zakat secara efektif dan bersistematik serta berkesan sesuai dengan objektif untuk menjadikan zakat sebagai satu pemangkin perekonomian dunia Islam di Negeri Melaka. Sebelum penubuhan PZM, segala urusan berkaitan dengan zakat di uruskan oleh Lembaga Wakaf, Zakat dan Baitulmal (MAIM), yang mana skop kerjanya adalah lebih tertumpu kepada mengurus dan mengagih berdasarkan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1959. Enakmen ini diwujudkan untuk menggantikan kaedah tradisional yang mana guru agama diamanahkan untuk mengutip dan mengagih zakat.

Sejarah PZM terukir sekali lagi pada 1 April 2001, apabila ia dikopratkan dan skop tugas di pecahkan, dimana PZM di amanahkan kepada kutipan sahaja manakala skop agihan zakat masih lagi diletakan dibawah pengawasan *Baitulmal MAIM*. Dengan kekuatan empat cawangan iaitu di Alor Gajah, Merlimau, Jasin dan Masjid Tanah PZM mengorak langkah sebagai satu badan yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan sistem kutipan zakat yang telah diselenggarakan adalah lebih cekap dan teratur, serta setiap individu muslim juga diberikan pendedahan dan pengetahuan dan kesedaran terhadap tuntutan menunaikan fardhu zakat yang merupakan kewajipan mutlak setiap muslim yang berkemampuan dan memenuhi syaratnya.

Pusat Zakat Melaka menetapkan objektif penubuhannya seperti berikut :

- i. Mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat.
- ii. Melahirkan masyarakat yang prihatin.
- iii. Menyediakan kemudahan dan keselesaan pembayar zakat
- iv. Menguruskan kutipan zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan
- v. Mengadakan promosi zakat dan kempen kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat.

Melihat kepada objektif badan Pusat Zakat Melaka jelas menunjukkan bahawa objektif utama adalah untuk melicinkan urusan pungutan zakat yang selama ini tidak sistematik dan kurang efektif terutamanya wujudnya kutipan secara berkomputer. Selain itu, ia juga berperanan memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan mereka mengeluarkan zakat yang merupakan rukun Islam ke empat. Keberkesanan ini jelas terbukti di mana kutipan zakat yang berjaya dipungut telah meningkat dari semasa ke semasa.

2.14 PRESTASI KUTIPAN ZAKAT DI MELAKA

Sebelum Pusat Zakat Melaka dikopratkan iaitu pada tahun 2000, badan tersebut telah berjaya memungut zakat sebanyak RM 8,435,467.90 berbanding RM 7,656,886.00 pada tahun 1999. Kutipan zakat fitrah juga berlaku peningkatan dari RM 1,361,167.20 pada tahun 1999 kepada RM 1,454,966.80 pada tahun 2000. Selepas Pusat Zakat dikopratkan iaitu pada tahun 2001, Pusat Zakat Melaka telah berjaya memungut zakat sebanyak RM 12,061,403.51 berbanding pada tahun 2002 iaitu mencatatkan sebanyak RM 12,342,302.57 iaitu peningkatan sebanyak 2.33 peratus. Kutipan ini adalah melebihi daripada yang telah disasarkan.

Kutipan zakat harta meningkat sebanyak 19.26 peratus iaitu dari RM 8,970,385.61 (tahun 2001) kepada RM 10,697,990.57 (tahun 2002). Kutipan zakat fitrah juga berlaku peningkatan dari RM 1,579,332.30 pada tahun 2001 kepada RM 1,644,312.00 pada tahun 2002 iaitu peningkatan sebanyak 4.11 peratus. Begitu juga dengan pembayar zakat telah meningkat dari 12,309 pembayar kepada 12,884 pembayar iaitu meningkat seramai 575 pembayar iaitu peningkatan sebanyak 4.67 peratus. Pelaksanaan bayaran zakat melalui skim potongan gaji juga telah mendapat sambutan daripada pembayar-pembayar di mana terdapat 4,700 pembayar yang membuat bayaran melalui skim ini yang melibatkan pungutan hampir RM 180,000.00 sebulan.

Senario ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam mulai sedar akan tanggungjawab dan kewajipan berzakat menurut Islam. Justeru itu, pentadbiran Pusat Zakat Melaka telah mengambil beberapa pendekatan dalam usaha membudayakan zakat di dalam kehidupan masyarakat di samping menyediakan kemudahan-kemudahan yang memberi keselesaan kepada pembayar-pembayar zakat. Promosi meluas yang dijalankan oleh Pusat Zakat Melaka melalui ceramah, pameran, media massa, kempen dan sebagainya telah membuahkan hasil dalam menyedarkan masyarakat untuk berzakat.

Jadual 2.2

Prestasi Kutipan Zakat bagi Pusat Zakat Melaka Sebelum Dikopratkan

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
1996	6,054,373.00
1997	8,556,377.00
1998	8,950,728.94
1999	7,656,886.00
2000	8,435,467.90

Sumber : Pusat Pungutan Zakat (2000)

Jadual 2.2 menunjukkan prestasi kutipan zakat bagi Pusat Zakat Melaka sebelum dikopratkan bagi tahun 1996 hingga 2000. Pada tahun 1996, kutipan zakat mencatatkan sebanyak RM 6,054,373.00 dan kemudiannya meningkat kepada RM 8,556,377.00 pada tahun 1997 iaitu peningkatan pada kadar 41.33 peratus. Prestasi kutipan zakat meningkat lagi pada tahun 1998 dengan mencatatkan sebanyak RM 8,950,728.94. Namun pada tahun 1999 telah menurun kepada RM 7,656,886.00 iaitu perbezaan sebanyak RM 1,293,842.94. Walau bagaimanapun, pada tahun 2000 prestasi kutipan zakat meningkat semula kepada RM 8,435,467.90.

Jadual 2.3 : Prestasi Kutipan Zakat bagi Pusat Zakat Melaka Selepas Dikopratkan

Tahun	Jumlah Kutipan (RM)
2001	12,034,520.43
2002	12,342,303.00
2003	13,037,830.48
2004	14,238,492.58
2005	15,695,466.47
2006	19,464,653.26
2007	22,067,022.30

Sumber : Pusat Pungutan Zakat (2007)

Jadual 2.3 di atas menunjukkan jumlah kutipan zakat bagi Pusat Zakat Melaka selepas dikopratkan bagi tahun 2001 hingga 2007. Jelas menunjukkan di sini bahawa kutipan zakat bagi Negeri Melaka mengalami pola peningkatan pada setiap tahun.

2.15 PROSEDUR PERMOHONAN BANTUAN ZAKAT MELAKA

Permohonan bantuan zakat di Melaka adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Permohonan bantuan perlulah dibuat dengan menggunakan borang asal yang disediakan dan diisi dengan lengkap bersama pengesahan daripada Imam dan Pengerusi JKKK.

Selain itu, setiap dokumen yang disertakan perlu disahkan oleh Imam dan JKKK kariah di mana pemohon menetap. Setiap permohonan lengkap perlu disertakan dengan dokumen sokongan. Antaranya termasuklah :

- i. Dua keping gambar berukuran pasport.
- ii. Satu salinan kad pengenalan
- iii. Satu salinan sijil cerai (jika bercerai hidup).
- iv. Satu salinan sijil kematian (jika bercerai mati).
- v. Satu salinan kelahiran pemohon.
- vi. Satu salinan sijil kelahiran anak-anak (setiap satu di bawah tanggungan pemohon).

2.15.1 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN ZAKAT

1. Had umur

Ditetapkan kepada 18 tahun ke atas (umur yang kurang daripada 18 tahun, hendaklah diwakili oleh ibu bapa atau penjaga).

2. Status Perkahwinan

- i. Berkahwin dengan ada tanggungan.
- ii. Bujang dengan kurang upaya (cacat dari segi fizikal atau mental).
- iii. Ibu tunggal yang mempunyai tanggungan dan hilang tempat bergantung.

3. Tanggungan yang Tinggal Bersama Pemohon

- i. Anak sendiri.
- ii. Anak tiri atau anak angkat.
- iii. Anak saudara.

4. Pendapatan

- i. Pendapatan kurang daripada RM 60.00 bagi seorang individu dalam isi keluarga.
- ii. Pendapatan yang tidak menentu dan tidak mencukupi.
- iii. Tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak.
- iv. Pendapatan terkumpul seisi rumah kurang dari RM 300.00 sebulan untuk lima orang dalam keluarga dengan purata RM 60.00 seorang.

Jadual 2.4 : Jumlah Kutipan dan Jumlah Agihan Negeri Melaka

Tahun	Jumlah Kutipan	Jumlah Agihan
1991	4381836.00	951,600
1992	2379412.00	1,129,233
1993	3342976.00	1,726,718
1994	4454604.00	2,362,938
1995	7062620.00	4,180,053
1996	6054373.00	4,549,919
1997	8556377.00	6,406,703
1998	8950728.94	5,454,177
1999	7656886.00	5,532,137
2000	8435467.90	5,262,570
2001	12034520.43	5,947,746
2002	12342303.00	12,198,737.13
2003	13037830.48	12,094,722.22
2004	14238492.58	13,076,881.72
2005	15695466.47	13,618,782.38
2006	19464653.26	15,664,202
2007	22067022.30	17,031,462

Sumber : Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Melaka

Jadual 2.4 di atas menunjukkan jumlah kutipan zakat agihan zakat bagi keseluruhan asnaf di Negeri Melaka dari tahun 1991 hingga tahun 2007. Jelas menunjukkan di sini bahawa kutipan zakat bagi Negeri Melaka mengalami pola peningkatan pada setiap tahun. Begitu juga bagi jumlah agihan di mana ia turut mengalami pola peningkatan pada setiap tahun. Namun kita dapat lihat di sini bahawa tidak semua jumlah kutipan diagihkan kepada semua asnaf.

2.16 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Bahagian ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dibahaskan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu berkaitan zakat di mana tajuk ini semakin mendapat tempat sebagai salah satu faktor asas dalam pembangunan ekonomi bagi menangani masalah di negara ini. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Patmawati Ibrahim (2006) mengenai Peranan Agihan Zakat dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah bertujuan untuk melaksanakan satu analisis terhadap kesan agihan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Selangor. Pengkaji menggunakan lima indeks kemiskinan seperti kadar kemiskinan ($H=q/N$), jurang kemiskinan ($P1$)16, jurang pendapatan ($P2$)17, Sen index ($P3$)18 dan FGT ($P4$)19 bagi menganalisis isu-isu seperti berapa jumlah isi rumah miskin, berapa jurang kemiskinan tersebut, dan bagaimana beratnya tekanan kemiskinan terhadap masyarakat Selangor. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa agihan zakat dapat mengurangkan kadar kemiskinan dari 62 peratus kepada 51 peratus. Bagi jurang kemiskinan pula berkurang dari RM 315 kepada RM 281. Jurang pendapatan turut menurun iaitu dari 59 peratus kepada 53 peratus. Bagi indeks Sen di mana ia mengukur tekanan kemiskinan dengan mengambil kira tahap kebajikan masyarakat turun menurun iaitu dari 0.47 kepada 0.32. FGT pula berkurang iaitu dari 0.27 kepada 0.17. Melalui kajian tersebut pengkaji mendapati bahawa agihan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan tekanan kemiskinan yang diukur menggunakan indeks-indeks kemiskinan yang biasa digunakan oleh para penyelidik dalam bidang ini.

Kajian oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2005) bertajuk Kesan Bantuan Zakat terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin menjelaskan kesan bantuan zakat oleh pihak institusi zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. Kajian ini menggunakan data primer melalui soal selidik di daerah Jerantut, Pahang, daerah Taiping, Perak dan daerah Sandakan, Sabah di mana kajian ini menggunakan persampelan secara rawak ke atas 140 individu. Pengkaji cuba menganggar kebarangkalian perasaan penerima zakat iaitu sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan kualiti hidup mereka kesan daripada penerimaan zakat.

Oleh kerana perasaan berpuas hati atau tidak dapat digambarkan melalui ukuran secara kuantitatif, maka kajian tersebut menggunakan model logit bagi menganggarkan kebarangkalian kepuasan hati penerima zakat. Keputusan kajian menunjukkan bahawa bantuan zakat memberi kesan yang signifikan kepada kualiti hidup golongan miskin terutamanya aspek pendidikan dan penyertaan sosial.

Kajian yang dilaksanakan oleh Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid mengenai Kesediaan Berkongsi Kekayaan dan Kebahagiaan: Kajian Kes Bayaran Zakat Bagi Harta yang Diikhthilaf (2005) mengkaji sejauh mana kesediaan masyarakat untuk berkongsi harta bagi harta yang diikhthilaf wajib zakat. Kajian dilakukan terhadap seluruh sektor ekonomi di Malaysia meliputi sektor pertanian, ternakan, galian dan pendapatan bebas dengan menggunakan kaedah diskriptif. Kajian ini turut menggunakan data jenis primer yang disampelkan daripada responden setiap negeri seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Serawak seramai 2500 orang. Hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia umumnya menunjukkan kesediaan untuk membayar zakat harta yang diikhthilaf. Hal ini bermakna bahawa masyarakat bersedia untuk berkongsi kekayaan dan kebahagiaan yang diperolehi dan ini sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat miskin.

Patmawati Ibrahim (2006) telah mengkaji kesan agihan zakat terhadap agihan pendapatan di kalangan para penerima agihan zakat dari asnaf fakir dan miskin di Selangor. Beliau telah menggunakan kaedah indeks agihan Gini co-efficient berdasarkan keluk Lorenz, yang mengukur ketakseimbangan agihan pendapatan secara umum.

Berdasarkan data siri masa dari tahun 2001 hingga 2002, beliau mendapati bahawa mengikut index pekali Gini, agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin daripada nilai pekali Gini 0.52 kepada 0.47. Kajian ini turut mengukur agihan pendapatan dengan menggunakan index Atkinson di mana ia mengambil kira kesan faktor kebajikan dalam agihan pendapatan. Berdasarkan index Atkinson didapati agihan zakat yang dilakukan telah menjadikan agihan pendapatan lebih tidak seimbang. Tahap kebajikan masyarakat berkurangan disebabkan oleh kehilangan dalam pendapatan akibat ketidakseimbangan agihan pendapatan. Melalui dapatan kajian yang diperolehi, beliau mencadangkan supaya kaedah agihan zakat diperbaiki dengan menggunakan had kifayah sebagai pendapatan garis kemiskinan, serta mengambilkira lokasi penerima sama ada bandar atau luar bandar, dan juga kedudukan kewangan penerima agihan. Jumlah bantuan yang diberikan mestilah menyamai atau lebih dari jurang kemiskinan.

Kajian yang dilaksanakan oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2005) yang bertajuk Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia bertujuan untuk menguji kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis regresi logistik bagi mengenalpasti pemboleh ubah yang signifikan sebagai dalam mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan.

Regresi logistik merupakan model tatacara statistik yang amat berguna dalam menganalisis data berkaitan kebarangkalian. Model regresi logistik menerangkan tentang kesan perubahan yang berlaku di dalam pemboleh ubah bebas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor seperti umur, taraf perkahwinan dan pendapatan adalah signifikan terhadap pembayaran zakat pendapatan di samping mekanisme pembayaran zakat pendapatan melalui potongan gaji.

Kajian oleh Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad (2005) mengenai Penerimaan dan Tanggapan Masyarakat terhadap Sumber Zakat Harta yang Diikhtilaf bertujuan untuk meneliti bagaimana penerimaan dan tanggapan masyarakat serta menilai faktor penentu penerimaan masyarakat terhadap langkah memperluaskan sumber zakat harta yang diikhtilaf. Kajian ini menggunakan data primer terhadap 2500 responden untuk Semenanjung Malaysia yang dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis diskriptif seperti jadual kekerapan, jadual peratusan dan ujian Chi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran serta kesediaan masyarakat membayar zakat harta yang diikhtilaf adalah menggalakkan. Kajian ini juga mendapati bahawa di samping beberapa faktor lain, faktor pengetahuan agama dan tahap pendidikan amat signifikan mempengaruhi kesediaan membayar zakat harta yang diikhtilaf.

Kajian yang telah dilakukannya oleh Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adam Mohamad (2005) mengenai Penswastan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia bertujuan untuk menyelidik kesan kepuasan individu terhadap pengurusan zakat dan gelagat kepatuhan masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi formal. Kajian ini menggunakan data primer ke atas 753 responden di enam negeri yang telah menswastakan institusi zakat iaitu Selangor, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Melaka. Kaedah analisis regresi logistik akan digunakan untuk melihat kebarangkalian kepatuhan individu membayar zakat kepada institusi formal pungutan zakat ataupun tidak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepuasan ke atas pengurusan zakat adalah signifikan dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan masyarakat untuk membayar zakat melalui institusi formal. Hal ini menunjukkan institusi formal berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pengurusan zakat dalam mengurus dan memungut lebih banyak bayaran zakat dan memastikan ia berjaya sebagai badan keadilan sosial.

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Shirazi (1996) mengkaji tentang kesan zakat dan `ushr ke atas pembasmian kemiskinan di Pakistan. Beliau telah menggunakan FGT index data siri masa dari tahun 1990 hingga 1991 bagi melihat kesan zakat dan `ushr ke atas pembasmian kemiskinan di Pakistan. Hasil kajian beliau mendapati kadar kemiskinan berjaya dikurangkan dari 38.7 % kepada 38% melalui agihan zakat dan `ushr. Kajian beliau juga mendapati agihan zakat dan `ushr berjaya mengurangkan jurang kemiskinan dari 11.2% kepada 8%. Beliau juga mendapati agihan zakat mempunyai kesan yang signifikan terhadap pendapatan bolehguna golongan berpendapatan rendah.

Zulkifly, Mohd Azlan Shah dan Hairunizam (2006) pula mengkaji mengenai pendapatan dan sasaran perbelanjaan dana zakat berdasarkan pengalaman di negeri Perak, Kedah, Selangor dan Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan Baitulmal dan Pusat Zakat di beberapa buah negeri di Malaysia telah menunjukkan kematangan dalam pengurusan pungutan zakat di mana hasil kutipan zakat menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan agihan zakat secara sempurna kepada asnaf masih belum dapat dicapai di mana semua negeri masih kurang membelanjakan hasil pungutan zakat kepada asnafnya.

Musa et al. (2006) telah mengkaji mengenai perlaksanaan Agihan Zakat di Malaysia: Satu Kaedah Pengukuran Prestasi dengan menumpukan kepada petunjuk-petunjuk kewangan sebagai petunjuk utama prestasi. Hasil analisis menunjukkan melalui pembinaan semula konsep agihan dana zakat berasaskan prinsip yang padu, agihan dana zakat akan diagihkan dengan lebih baik dan berkesan serta membuka lebih luas pengertian dan sasaran asnafnya. Hal ini akan berupaya merealisasikan konsep agihan dana zakat sebagaimana yang diutarakan oleh khalifah Umar Al-Khatab iaitu pengagihan dana zakat kepada asnafnya sehingga penerimanya boleh menjadi kaya dan berkemampuan mengeluarkan zakat dan membangunkan sosioekonomi ummahnya.

Menurut kajian yang dilakukan Muhammad Anuar (1995), beliau melihat bahawa pembangunan ekonomi golongan fakir dan miskin ini sebagai satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim. Oleh itu perlu ada satu perancangan projek jangka pendek dan jangka panjang dalam pelaksanaan program-program bagi pembangunan golongan miskin. Beliau mengkaji tentang potensi sumbangan zakat dalam membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Menurut beliau, selain daripada digunakan untuk penggunaan jangka pendek dan semasa, dana zakat juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang yang akan mendatangkan faedah jangka panjang kepada golongan fakir dan miskin dalam masyarakat. Menurut kajiannya, penggunaan dana zakat sebegini dibenarkan dalam Islam.

Menurut Nik Mustapha Bin Nik Hassan (2008) dalam artikelnya yang bertajuk Halatuju kepada Pelaksanaan Zakat, beliau menjelaskan bahawa melalui pelaksanaan zakat, semangatnya akan menjadi panduan dalam menggubal dasar fiskal negara. Dasar fiskal dan kewangan yang mantap akan membawa kepada kestabilan ekonomi (mencapai guna tenaga penuh, kos sara hidup yang rendah dan sebagainya) dan pengaliran harta secara teratur dan berkesan akan tercapai. Kejayaan tersebut membolehkan negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Di samping itu, kerajaan akan dapat meningkat jumlah tabungan dan pelaburan dalam ekonomi. Ia juga akan meningkat paras keseluruhan kepenggunaan negara hasil daripada kemantapan prestasi ekonomi yang disertai dengan keadilan dalam pengagihan kekayaan dan pendapatan. Kewujudan sistem pengagihan dana yang berkesan akan dapat meningkatkan ekonomi masyarakat Islam khususnya golongan miskin.

Bank Pembangunan Islam (2004) melaksanakan kajian bagi melihat sama ada dana zakat mencukupi bagi memenuhi keperluan golongan miskin di 24 buah negara. Hasil kajian mendapati bahawa bagi negara-negara yang mempunyai pendapatan perkapita yang rendah dan masalah kemiskinan yang tinggi, jumlah kutipan zakat sebenarnya tidak cukup untuk menampung keperluan golongan miskin ini. Oleh itu, bantuan yang diberi tidak seharusnya dalam bentuk bantuan 'mencukupkan pendapatan' sahaja, sebaliknya bantuan yang diberi haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan miskin ini supaya dalam jangka panjang mereka bukan setakat boleh keluar dari kemiskinan tetapi juga mampu membayar zakat.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (2006) telah mencadangkan sebuah badan zakat peringkat rantau Asia Tenggara ditubuhkan supaya institusi zakat dapat memainkan peranan memartabatkan kecemerlangan ummah. Badan serantau tersebut boleh memperkenalkan mekanisma bagi menggarap sinergi zakat di kalangan negara-negara Asia Tenggara. Beliau juga turut mencadangkan satu sistem pemantauan perlu diperkenalkan untuk memastikan pelaksanaan kutipan zakat dan agihan dijalankan dengan cekap dan telus yang menetapi syariat Islam. Oleh yang demikian, pengurusan zakat perlu mengambil kira prinsip-prinsip asas pengurusan korporat seperti keberkesanan, jujur, telus dan bertanggungjawab. Tambahan lagi, beliau menyatakan bahawa pengkorporatan pengurusan institusi zakat seperti diamalkan di sebahagian negeri di Malaysia boleh dijadikan ikutan kepada institusi zakat dalam negara dan serantau. Kesimpulannya, institusi zakat memainkan peranan lebih signifikan terutamanya dalam melahirkan modal insan.

Menurut Syed Mahadzir Syed Ibrahim (2005) dalam sebuah rencana ekonomi menyatakan Islam adalah agama yang membawa rahmat seluruh alam dan bukan perosak. Islam adalah agama yang dapat menawarkan formula penyelesaian kepada pelbagai persoalan sejagat, tanpa mengira agama, warna kulit dan darjat. Begitu juga dengan persoalan kemiskinan yang melanda umat Islam kini. Dalam soal ini, zakat seharusnya menjadi teras kepada sistem ekonomi ummah. Hal ini adalah kerana, matlamatnya yang dapat diterima oleh semua, iaitu membangun insan dan membasmi kemiskinan. Selain itu, prinsip dan falsafahnya yang bersifat universal, mampu melangkaui setiap isu dan persoalan secara makro dan mikro. Cuma yang mungkin berbeza adalah dari segi cara pengurusan dan pelaksanaannya sahaja.

Beliau turut menyifatkan bahawa sistem zakat di negeri-negeri seluruh Malaysia masih belum diseragamkan. Walaupun sudah sekian lama dicadangkan dan pelbagai usaha telah dilakukan untuk menyeragamkannya. Namun begitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah pun mengumumkan persetujuannya dengan pusat zakat negeri-negeri untuk menyeragamkan zakat nasional pada tahun 2004.

2.17 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu mendapati bahawa peranan zakat adalah penting dalam sesebuah pembangunan seperti pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Meskipun begitu, zakat telah mengalami penurunan akibat pentadbiran yang tidak sistematik. Oleh itu, kajian ini penting dilakukan bagi mengkaji peranan zakat dalam mengatasi dan seterusnya membasmi kemiskinan masyarakat Islam.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan segala aspek metodologi yang akan dilaksanakan bagi memperoleh keputusan kajian yang dijalankan. Metodologi kajian merupakan satu penyelidikan bagi mendapatkan maklumat mengenai data-data yang diperlukan. Terdapat beberapa kaedah dalam metodologi yang boleh diaplikasikan sebagai satu cara mendapatkan maklumat. Data atau bukti yang dipungut dan dianalisis akan menentukan sama ada hipotesis boleh diterima atau tidak. Dalam proses memungut data terdapat beberapa perkara yang boleh diperhatikan. Pertama, adakah data yang akan didapati itu cukup untuk dianalisis atau data yang dikutip itu boleh dipercayai. Selain itu, adakah data yang dipungut itu boleh dianalisis dengan teknik-teknik yang sedia ada untuk membolehkan penyelidik membuat interpretasi dengan penuh keyakinan. Selain itu, data tersebut akan diperjelaskan secara teratur dan mendalam agar setiap pembaca dapat memahami dengan jelas konsep metodologi kajian yang akan digunakan dan kaedah penganalisan data.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data yang dilakukan adalah bergantung kepada jenis kajian yang dibuat. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah dengan menggunakan data sekunder. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data dan maklumat dari institusi yang terlibat, kaedah internet dan lisan serta kaedah perpustakaan.

Data sekunder merupakan data yang diambil daripada sumber bertulis, sama ada yang pernah diterbitkan secara rasmi ataupun yang tidak pernah diterbitkan. Data sekunder boleh diperoleh daripada sumber seperti Laporan Jabatan Perangkaan, Kementerian-kementerian Kerajaan, Buku Tahunan, Laporan Firma, Persatuan-persatuan Perniagaan, Laporan Badan Berkanun dan lain-lain. Namun kajian ini menggunakan data bagi tempoh 17 tahun dengan menggunakan data tahunan di mana ia diperoleh daripada Pusat Zakat Melaka (PZM), Laporan Jabatan Perangkaan Negeri Melaka, Unit Perancang Ekonomi dan sebagainya. Antara data yang diperlukan ialah data jumlah pungutan zakat, data jumlah agihan zakat fakir miskin, Kadar inflasi dan data kemiskinan Negeri Melaka. Data yang diperoleh adalah sangat penting dalam memberikan latar belakang kepada kajian yang hendak dijalankan.

Bagi kaedah internet pula, pencarian bahan-bahan melalui kemudahan internet adalah sangat memainkan peranan penting kerana ia memudahkan para pengkaji menyudahkan kajian. Selain itu, melalui kaedah lisan para pengkaji akan mengumpul maklumat tentang kajian yang dilakukan melalui soal jawab dengan pihak tertentu yang serba tahu mengenai sesuatu kajian di mana ia bertujuan untuk mendapatkan penerangan yang lebih jelas serta terperinci. Kaedah perpustakaan pula merupakan kaedah yang amat penting bagi mengumpul sumber-sumber kajian seperti ulasan karya, konsep-konsep yang berkaitan dengan penyelidikan, pengurusan dan maklumat-maklumat lain.

3.3 PENGANALISASIAN DATA

Semua data yang diperoleh akan dianalisis dan diproses dengan menggunakan persamaan Regresi Linear Berbilang dengan menggunakan Sistem Perisian Pakej E-View untuk membantu menganalisis data dengan lebih tepat dan mudah serta bagi menguji sama ada kajian ini boleh diterima atau tidak. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk menganalisis data sebahagian besarnya adalah bergantung kepada tujuan kajian tersebut dijalankan. Sementalahan itu, analisis ini juga bertujuan untuk menghuraikan hubungan-hubungan tertentu antara sesuatu pembolehubah dengan pembolehubah lain.

3.4 PEMBENTUKAN MODEL KAJIAN

Model dalam kajian ini dibentuk berasaskan kepada Analisis Regresi Linear Berbilang iaitu model yang digunakan untuk mengukur kemiskinan masyarakat Islam. Model Regresi Linear Berbilang mengandungi lebih daripada dua pembolehubah iaitu satu pembolehubah bersandar dan lebih daripada satu pembolehubah bebas.

$$Y = \beta_0 + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \varepsilon$$

Di mana:

- Y = Jumlah nilai kutipan zakat
- X₁ = Jumlah agihan zakat fakir miskin
- X₂ = Kadar kemiskinan Negeri Melaka
- X₃ = Kadar inflasi Negeri Melaka
- ε = Faktor-faktor lain

Dalam kajian ini, Y adalah mewakili Jumlah nilai kutipan zakat di mana ia mewakili pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar pula ialah β_{1X1} mewakili jumlah agihan zakat fakir miskin. β_{2X2} pula adalah Kadar kemiskinan Negeri Melaka. Selain itu, β_{3X3} adalah Kadar inflasi Negeri Melaka. Kesemua pembolehubah tidak bersandar merupakan penentu kepada pembolehubah bersandar. Sebarang perubahan yang berlaku kepada penentu-penentu ini akan menyebabkan Y turut berubah.

3.5 PENILAIAN MODEL

Penilaian model dilakukan untuk menganalisis model yang dibentuk dengan menggunakan dua bentuk pengujian iaitu ujian berdasarkan analisis kolerasi dan intergrasi. Beberapa ujian akan dilaksanakan contohnya Ujian Punca Unit, Ujian Augmented Dickey-Fuller (ADF Test, 1979), Ujian Kointegrasi, Ujian Philip-Perron (PP) dan Ujian Sebab-Akibat Granger. Pengujian tersebut dibuat bagi melihat sejauhmanakah keberkesanan model yang dicipta dalam membuat penilaian.

3.5.1 Model Analisis Regresi Mudah

Kajian empirikal menggunakan kaedah kuasa dua (OLS) untuk menganggar model regresi mudah bagi mengkaji hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Sehubungan dengan itu, pembentukan modal regresi mudah merupakan langkah awal untuk dilakukan sebelum ujian-ujian lain misalnya ujian kepegunan dijalankan.

3.5.2 Integrasi

Kajian ini menggunakan analisis empirikal di mana sebelum melakukan pengujian kointegrasi, pengkaji perlu melakukan pengujian punca unit kemudian barulah boleh melakukan pengujian kointegrasi dan seterusnya melakukan ujian penyebab antara pemboleh ubah yang terlibat dalam menentukan keadaan kadar kemiskinan di Negeri Melaka.

a) Ujian Punca Unit

Ujian Punca Unit atau Ujian Kepegunan akan dilakukan apabila pengkaji menggunakan data jenis siri masa. Pengujian tersebut bertujuan untuk mengelak mendapat penganggaran regrasi palsu. Penganggaran regrasi palsu ini boleh dikenalpasti sekiranya nilai R^2 melebihi nilai d -Durbin Watson atau dalam erti kata lain regrasi palsu terhasil akibat daripada mempunyai kepegunan yang berbeza. Pembolehubah akan sentiasa pegun sekiranya nilai min, varian dan kovariannya adalah malar terhadap masa. Sebaliknya bagi sesuatu pemboleh ubah yang dikatakan tidak pegun atau ketidakpegunan (*non-stationary*) mempunyai nilai min, varian dan kovariannya adalah berubah mengikut masa. Dalam ekonometrik, pemboleh ubah yang mempunyai masalah ini lebih dikenali sebagai “random walk”.

Bagi menyelesaikan masalah ini, pengkaji perlu melakukan pembezaan terhadap pembolehubah sehingga mencapai tahap kepegunan. Jika pembolehubah hanya dibezakan sekali sahaja, dan kemudian ia mencapai kepegunan, kita labelkan pembolehubah ini adalah integrasi darjah pertama (*integrated of order one*) yang boleh ditulis sebagai $I(1)$. Seterusnya, jika pembolehubah tersebut dibezakan sebanyak dua kali sebelum ia mencapai kepegunan, maka kita boleh katakan pembolehubah tersebut adalah integrasi darjah kedua, $I(2)$. Secara umumnya, kita boleh katakan bahawa jika pemboleh ubah tersebut dibezakan sebanyak ‘n’ kali untuk menjadi pegun, maka pembolehubah tersebut dikatakan mempunyai ciri integrasi ke-n atau $I(n)$.

Terdapat beberapa jenis ujian untuk menentukan darjah integrasi setiap siri masa. Walau bagaimanapun, kaedah yang sering digunakan dalam kajian-kajian lepas ialah *Augmented Dickey Fuller test* (ADF) yang diperkenalkan oleh Said dan Dickey (1984) dan ujian Philips dan Perron (1988). Dalam kajian ini, kedua-dua pendekatan tersebut akan digunakan.

i) Augmented Dickey Fuller test (ADF)

Ujian *Augmented Dickey Fuller test* (ADF) mengandaikan bahawa faktor gangguan tidak berkolerasi dan mempunyai varian yang malar. Kaedah ADF dijalankan dengan menggunakan persamaan-persamaan regresi di bawah :

$$\Delta \ln KTPN_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln KTPN_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta \ln KTPN_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots 1(a)$$

$$\Delta \ln FK RMSKN_t = \alpha_0 + \alpha_1 \ln FK RMSKN_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta \ln FK RMSKN_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots 1(b)$$

$$\Delta K_MMSKN_t = \alpha_0 + \alpha_1 K_MMSKN_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta K_MMSKN_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots 1(c)$$

$$\Delta INF_t = \alpha_0 + \alpha_1 INF_{t-1} + \alpha_2 t + \alpha_3 \sum_{i=1}^n \Delta INF_{t-1} + \varepsilon_t \quad \dots\dots\dots 1(d)$$

Di mana :

- KTPN = Jumlah Nilai Kutipan
- FK RMSKN = Jumlah Agihan Zakat Fakir Miskin
- K_MMSKN = Kadar Kemiskinan Negeri Melaka
- INF = Kadar Inflasi Negeri Melaka

Berdasarkan kepada persamaan (1a) hingga (1d), $\Delta \ln KTPN_t$, $\Delta \ln FKRMSKN_t$, $\Delta \ln K_MMSKN_t$ dan $\Delta \ln INF_t$ adalah merupakan pembezaan pertama untuk siri masa kajian. Bagi simbol t pula diwakili sebagai tren masa. Nilai $\Delta \ln KTPN_t$, $\Delta \ln FKRMSKN_t$, dilogkan. Bagi K_MMSKN dan INF pula tidak dilogkan. Sementara ε_t merupakan ralat gangguan putih (white noise error term). Hipotesis nol mengambil kira aspek kepegunan adalah $\alpha = 0$, yang membawa maksud wujud ketidakpegunan data siri masa dan hipotesis alternatif adalah $\alpha \neq 0$, yang membawa maksud wujud kepegunan data siri masa. Bagi menguji hipotesis ini, nilai statistik t atau τ (tau) untuk koefisien α_2 akan dibandingkan dengan nilai kritikal yang dihitungkan oleh Mackinnon menerusi simulasi Monte Carlo.

ii) Ujian Punca Unit Phillip-Perron

Ujian Punca Unit Phillip-Perron mengambil kira masalah-masalah yang mungkin dihadapi dalam faktor gangguan tersebut, terutamanya jika nilai varian dalam faktor gangguan adalah bersifat malar. Ujian PP pula melibatkan persamaan berikut :

$$\Delta X_t = \mu_t + \alpha_1 X_{t-1} + \varepsilon_t, \quad \dots\dots\dots 2(a)$$

$$\Delta X_t = \mu_t + \alpha_1 X_{t-1} + \alpha_2 t + \varepsilon_t, \quad \dots\dots\dots 2(b)$$

di mana, ΔX_t ialah pembezaan pertama siri X_t dan t ialah tren masa. Dalam persamaan (2a), untuk X_t menjadi pegun, nilai t-statistik Z ($\tau_{\alpha, \mu}$) mestilah negatif dan signifikan berbeza daripada sifar. Untuk Y_t menjadi pegun dalam persamaan 2b, t-statistik Z ($\tau_{\alpha, \mu}$) mestilah negatif dan signifikan berbeza daripada sifar. Nilai kritikal untuk ujian PP ini adalah diperolehi daripada Mackinnon (1991).

b) Ujian Kointegrasi

Pengujian kedua ialah untuk menilai kointegrasi terhadap siri data siri masa. Selepas menentukan siri masa adalah sama dengan integrasi, maka kajian ini akan menguji sama ada kombinasi linear siri adalah pegun dengan peringkat kointegrasi. Ujian kointegrasi digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah eksogenes dan pemboleh ubah endogenes. Oleh itu, kajian ini menggunakan teknik Johansen bagi mendapatkan keputusan kointegrasi yang mantap.

Pengukuran kointegrasi melibatkan dua bentuk ujian iaitu Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace). Ujian formal bagi bilangan pembolehubah yang berkointegrasikan antara satu sama lain adalah berdasarkan kepada Ujian Nilai Maksimum Eigen dan ia merupakan Ujian Likelihood Ratio (LR). Ujian Jejak (Trace) pula berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC) dalam menentukan bilangan lat (lag) dalam penganggaran model kajian. Ujian Nilai Maksimum Eigen dan Ujian Jejak (Trace) dijalankan dengan menggunakan persamaan-persamaan seperti di bawah :

Ujian Nilai Maksimum Eigen :

$$\rho_r = -T \log(1 - \lambda_r) \quad \dots\dots\dots 3(a)$$

Ujian Jejak (Trace):

$$\eta_r = -T \sum_{i=r+1}^k \log(1 - \lambda_i) \quad \dots\dots\dots 3(b)$$

Di mana :

ρ_r = Penganggaran statistik bagi Nilai Maksimum Eigen

η_r = Penganggaran statistik bagi Ujian Jejak (Trace)

T = Bilangan cerapan bebas

λ_i = Nilai-eigen bagi pangkat i

r = 1 atau ≥ 1

Bagi melihat sama ada wujudnya hubungan kointegrasi, hipotesis di bawah telah diaplikasikan dalam kajian ini :

$H_0 : r_1 = 0, r \leq 1$

$H_1 : r_1 > 0, r \geq 1$

di mana, H_0 merujuk kepada ketidakwujudan kointegrasi dan H_1 pula merujuk kepada kewujudan aspek kointegrasi.

c) Ujian Vektor Autoregresi (VAR)

Cara yang mudah untuk menguji hubungan antara pelbagai pembolehubah siri masa tanpa membuat banyak tanggapan ialah menggunakan model VAR. VAR ialah satu set persamaan linear berkenaan pembolehubah endogenous dalam pembolehubah bersandar kepada pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar. VAR selalunya menawarkan satu rangka kerja semulajadi untuk menguji penyebab granger. Ujian VAR boleh dijalankan untuk melihat hubungan dinamik jangka masa panjang pembolehubah-pembolehubah kajian.

d) Ujian Sebab-Akibat Granger

Prosedur Ujian Sebab-Akibat atau Granger-Causality merupakan antara pengukur utama kajian. Dalam melihat hubungan sebab-akibat, pembolehubah endogenes iaitu Jumlah Nilai Kutipan diandaikan X_t dan pembolehubah eksogenes pula iaitu FKRMSKN, K_MMSKN dan INF diandaikan Y_t . Pembolehubah X_t dikatakan Penyebab Granger terhadap Y_t jikalau lat (*lag*) yang dimasukkan ($X_{t-1}, X_{t-2} \dots X_{t-n}$) akan meningkatkan jangkaan bagi Y_t . Keadaan yang sama juga apabila pembolehubah Y_t dikatakan Penyebab Granger apabila lat (*lag*) yang dimasukkan ($Y_{t-1}, Y_{t-2} \dots Y_{t-n}$) menyebabkan jangkaan bagi X_t mempunyai nilai ralat mean kuasa dua yang kecil. Keadaan ini dapat ditunjukkan melalui persamaan berikut :

$$InKTPN_t = \delta + \sum_{i=1}^a \alpha_i InKTPN_{t-i} + \sum_{j=1}^b \alpha_j InY_{t-j} + \mu_t \dots\dots\dots 4(a)$$

$$InY_t = \rho + \sum_{i=1}^m \gamma_i InY_{t-i} + \sum_{j=1}^n \lambda_j InKTPN_{t-j} + \tau_t \dots\dots\dots 4(b)$$

* InY mewakili pembolehubah FKRMSKN, K_MMSKN dan INF

Di mana, δ dan ρ merupakan pembolehubah yang konstan, sementara pekali penganggar dalam persamaan di atas diwakili oleh $\alpha_i, \alpha_j, \gamma_i$ dan λ_j . Bagi μ_t dan τ_t pula mewakili sebutan ralat yang tidak berkorelasi dengan nilai mean sifar serta tahap kovarians yang terbatas. Kedua-dua persamaan di atas dianggarkan menggunakan Kaedah Kuasa Dua Terkecil (OLS) dengan menggunakan hipotesis di bawah :

Hipotesis Persamaan (4a):

$$H_0 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 = 0 \dots\dots\dots 5(a)$$
$$H_1 : \alpha_1 = \alpha_2 = \alpha_3 = \alpha_4 \neq 0$$

Hipotesis Persamaan (4b) :

$$H_0 : \lambda_1 = \lambda_2 = \lambda_3 = \lambda_4 = 0 \dots\dots\dots 5(b)$$
$$H_1 : \lambda_1 = \lambda_2 = \lambda_3 = \lambda_4 \neq 0$$

Jikalau hipotesis nol (H_0) diterima berasaskan Ujian-F, bermakna $\ln KTPN_t$ bukan menjadi Penyebab Granger bagi $\ln Y_t$ yang diwakili oleh pembolehubah bebas kajian. Sebaliknya, jikalau (H_0) ditolak bagi kedua-dua persamaan oleh Ujian-F, bermakna wujud hubungan sehalu antara di antara $\ln KTPN_t$ dan $\ln Y_t$. Hubungan songsang hanya akan wujud seandainya berlaku sebab-akibat berbentuk dua hala iaitu $\ln KTPN_t$ memberi implikasi terhadap $\ln Y_t$ dan pada masa yang sama $\ln Y_t$ memberi kesan terhadap $\ln KTPN_t$.

3.6 DEFINISI PEMBOLEHUBAH

a) Jumlah Nilai Kutipan Zakat

Kutipan zakat ialah jumlah kutipan yang diperoleh oleh Pusat Pungutan Zakat bagi setiap tahun di mana kutipan diperoleh daripada orang perorangan, agensi tertentu, syarikat korporat dan sebagainya. Kutipan zakat ini bukan sahaja daripada sumber zakat fitrah tetapi dari sumber zakat lain seperti zakat pendapatan, harta benda, pertanian dan sebagainya.

b) Jumlah Agihan Zakat

Agihan zakat adalah agihan yang dilakukan oleh Pusat Pungutan Zakat kepada golongan yang layak mendapat zakat. Golongan yang layak mendapat zakat ialah fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabillah dan ibni sabil.

c) Kadar Kemiskinan

Kemiskinan merupakan masalah yang cukup merisaukan. Ia dianggap sebagai penyakit sosial yang paling dahsyat dan menjadi musuh utama kepada rancangan pembangunan negara. kemiskinan bukan sahaja dilihat sebagai fenomena ekonomi semata-mata, tetapi juga sebagai masalah sosial dan politik. Kadar kemiskinan boleh diukur melalui pendapatan masyarakat setempat dan garis kemiskinan bagi sesebuah penduduk. Kadar kemiskinan di Negeri Melaka dikatakan semakin berkurang setiap tahun tetapi kalau di lihat dengan kaca mata kita sendiri masih ramai lagi masyarakat di Melaka hidup dibelenggu kemiskinan.

d) Kadar Inflasi

Pada umumnya inflasi bermakna "kenaikan yang berterusan dalam tingkat harga umum". "Harga umum" bermaksud harga yang menggambarkan paras harga bagi keseluruhan barangan dan perkhidmatan yang ada dalam sesuatu ekonorni pada sesuatu masa tertentu. Oleh kerana terlalu banyak bilangan barangan yang terdapat pada sesuatu masa, maka amat sulit untuk mendapatkan semua harga barangan dan perkhidmatan berkenaan. kadar inflasi di Melaka masih boleh dikatakan rendah. Kadar inflasi boleh diukur dengan menggunakan indeks harga pengguna.

3.7 PENUTUP

Dapat disimpulkan di sini bahawa bab ini menggabungkan kesemua kaedah yang digunakan bertujuan menganalisis data yang telah diperolehi. Ia bukan sahaja menentukan sama ada kajian yang dijalankan ini boleh diterima atau tidak, malahan turut dapat mengenalpasti hubungan antara kesemua faktor dan pembolehubah yang telah dipilih oleh penyelidik. Melalui kajian ini juga, pengkaji mengharapkan data-data tersebut dapat memberi hasil kajian yang positif dan menggalakkan.

BAB IV

ANALISIS DAN DATA KEPUTUSAN

4.1 PENGENALAN


Bab ini membincangkan analisis keputusan mengikut pengujian bagi ujian-ujian yang telah dilakukan ke atas data siri masa bagi melihat sama ada pembolehubah-pembolehubah yang dikaji iaitu jumlah agihan zakat fakir miskin, kadar kemiskinan Negeri Melaka dan kadar inflasi Negeri Melaka mempunyai kesan signifikan dengan pembolehubah bersandar iaitu jumlah nilai kutipan zakat. Di samping itu, analisis akan diselaraskan berdasarkan ujian yang dilakukan mengikut turutan di mana setiap dapatan kajian akan dibincangkan dan disertakan dengan bukti-bukti. Bagi melaksanakan ujian yang telah dikenalpasti, pengkaji telah menggunakan perisian E-Views untuk mendapatkan hasil keputusan setiap ujian.

4.2 ANALISIS TREN

Dalam bahagian ini, tren bagi jumlah kutipan, jumlah keseluruhan agihan, jumlah agihan fakir miskin, kadar kemiskinan dan kadar inflasi akan dianalisis di mana kajian ini akan menganalisis data bagi tempoh 16 tahun iaitu dari tahun 1991 sehinggalah tahun 2007.

Rajah 4.1

Jumlah Kutipan, Jumlah Keseluruhan Agihan dan Jumlah Agihan Fakir Miskin



Rajah 4.1 menunjukkan tren siri masa jumlah kutipan, jumlah keseluruhan agihan jumlah perbelanjaan agihan fakir miskin bagi tempoh 16 tahun iaitu dari tahun 1991 sehingga tahun 2007. Merujuk rajah 4.1 tren jumlah kutipan, jumlah keseluruhan agihan dan perbelanjaan agihan fakir miskin menunjukkan wujudnya pola meningkat secara tidak konsisten. Bagi jumlah kutipan zakat iaitu pada tahun 1991 mencatatkan sebanyak RM 4381836 dan menurun kepada RM 2379412 iaitu penurunan sebanyak RM 2002424 pada tahun 1992 iaitu penurunan sebanyak 45.70 peratus.


Namun pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1993 sehinggalah pada tahun 2003, jumlah kutipan menunjukkan pola naik turun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2004 sehinggalah pada tahun 2007, jumlah kutipan zakat menunjukkan pola peningkatan pada setiap tahun.

Selain itu, bagi jumlah keseluruhan agihan zakat pula iaitu pada tahun 1991 mencatatkan sebanyak RM 951600 dan meningkat kepada RM 6406703 pada tahun 1997 iaitu peningkatan sebanyak RM 5455103. Namun pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1998, jumlah keseluruhan agihan zakat menurun kepada RM 5454177. Namun pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1999 sehinggalah pada tahun 2007, jumlah keseluruhan agihan zakat menunjukkan peningkatan. Jelaslah menunjukkan di sini apabila jumlah kutipan meningkat, jumlah keseluruhan agihan zakat juga akan turut meningkat.

Bagi jumlah perbelanjaan agihan fakir miskin pula iaitu bermula dari tahun 1991, jumlah perbelanjaan agihan fakir miskin mencatatkan sebanyak RM 279426 dan menurun kepada RM 219002 pada tahun 1992 iaitu penurunan sebanyak 21.62 peratus. Begitu pada tahun yang seterusnya iaitu pada tahun 1993 mengalami peningkatan dan pada tahun seterusnya iaitu pada tahun 1994 meningkat kembali dan jatuh semula pada tahun 1995.

Namun pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1996 jumlah perbelanjaan agihan fakir miskin telah mengalami pola peningkatan sehinggalah pada tahun 1997. Walaupun begitu jumlah perbelanjaan tersebut menurun kembali pada tahun 1998 di mana mencatatkan sebanyak RM 2538153 dan penurunan ini berlaku sehinggalah pada tahun 2001 di mana mencatatkan sebanyak RM 2426001 iaitu perbezaan sebanyak RM 112152. Penurunan ini mungkin disebabkan pihak pengurusan telah membelanjakan wang zakat kepada asnaf yang lain. Akan tetapi pada tahun 2002 sehinggalah tahun 2007, jumlah perbelanjaan agihan fakir miskin mengalami pola peningkatan sepanjang tahun. Hal ini kerana jumlah kutipan turut sama meningkat pada sepanjang tahun tersebut. Maka kutipan zakat dapatlah dibelanjakan lebih kepada asnaf fakir miskin.

Rajah 4.2
Kadar Inflasi dan Kadar Kemiskinan



Rajah 4.2 merupakan graf kadar inflasi dan kadar kemiskinan. Secara keseluruhannya, jelas menunjukkan di sini kadar inflasi dan kadar kemiskinan adalah tidak statik sepanjang tahun. Bagi kadar inflasi iaitu tahun 1998 mencatatkan sebanyak 5.2 peratus yang mana ia merupakan kadar inflasi yang paling tinggi berbanding dengan tahun-tahun lain. Hal ini kerana Malaysia telah mengalami krisis ekonomi dan turut menjejaskan ekonomi di Negeri Melaka. Kadar inflasi yang paling rendah adalah dicatatkan pada tahun 2003 iaitu sebanyak 1.2 peratus. Selain itu, bagi kadar kemiskinan pula iaitu pada tahun 1991 mencatatkan kadar kemiskinan yang paling tinggi iaitu sebanyak 12.4 peratus dan kadar kemiskinan yang paling rendah adalah mencatatkan sebanyak 1.0 peratus pada tahun 2007. Hal ini berlaku kerana pihak kerajaan Negeri Melaka telah menjadikan dana zakat sebagai salah satu ejen pembasmi kemiskinan.

4.3 ANALISIS REGRASI MUDAH

Kajian ini telah menganalisis pembolehubah bersandar iaitu kutipan dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu fakir miskin, kadar kemiskinan dan inflasi. Berdasarkan output E-View, hasil penganggaran persamaan regresi linear boleh diterjemahkan seperti berikut:

$$\text{LNKTPN} = 15.768 + 0.064 \text{ LNFKRMSKN} - 0.135 \text{ K_MMSKN} + 0.002 \text{ INF}$$

(4.508)	(0.289)	(0.083)	(0.071)
[3.500]	[0.223]	[-1.632]	[0.028]

$$\text{R-squared} = 0.864 \quad \text{Adjusted R-squared} = 0.832 \quad \text{Durbin-Watson stat} = 1.322$$

Nilai pekali penentu regresi atau lebih dikenali sebagai R^2 adalah bersamaan dengan 0.864. Ini menerangkan bahawa hampir sebanyak 86 peratus daripada perubahan yang berlaku dalam kutipan dan selebihnya dapat diterang oleh pembolehubah-pembolehubah seperti fakir miskin, kadar kemiskinan dan inflasi dan selebihnya dipengaruhi oleh faktor-faktor di luar model.

Selain itu kajian mendapati bahawa nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada paras pekali penentu iaitu R^2 . Maka jelas menunjukkan di sini, data siri masa yang digunakan adalah dalam kepegunan. Namun pengkaji masih lagi mengambil langkah yang terbaik untuk mengesan akan kesahihan kepegunan data yang digunakan dengan menggunakan Ujian Augmented Dickey Fuller (ADF) dan Philip Peron (PP).

4.4 ANALISIS KEPUTUSAN UJIAN PUNCA UNIT

Ujian punca unit merupakan kaedah yang sangat popular di kalangan ahli ekonomi dalam menguji kepegunan data siri masa. Dalam bahagian ini, Ujian Dickey-Fuller (ADF) dengan AR(p) akan dijalankan untuk menguji kepegunan data siri masa yang digunakan dalam kajian ini. Tren dan intersep akan dimasukkan dalam persamaan ujian Unit Root dan lat masa dipilih dengan kriteria Info Akaike (AIC). Ujian PP turut memainkan peranan yang sama setelah ujian ADF dilakukan. Dari sudut analisis, ujian PP didapati lebih baik kerana ia mengambil kira masalah yang mungkin dihadapi. Justeru, tidak hairanlah mengapa kedua-dua jenis ujian digunakan dalam kajian ini.

Jadual 4.1

Hasil Keputusan Ujian Punca Unit Root ADF dan PP pada Pelbagai Peringkat

Pembolehubah	Ujian ADF			Ujian PP		
	Bentuk Peringkat	Pembezaan Pertama	Pembezaan Kedua	Bentuk Peringkat	Pembezaan Pertama	Pembezaan Kedua
Inktpn	3.156	3.628 ***	3.971 **	3.877 **	9.736 *	14.507 *
Infkrmskn	1.690	7.679 *	11.928 *	2.436	7.391 *	35.608 *
Kdr_msskn	2.615	3.546 ***	4.071 **	1.966	4.555 **	15.947 *
Inf	2.636	4.278 **	3.800 ***	2.610	7.635 *	11.717 *

Nota : * signifikan pada aras keertian 1%, ** signifikan pada aras keertian 5% dan *** signifikan pada aras keertian 10%

Data siri masa dianggap pegun sekiranya nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada R^2 . Hipotesis nul dalam ujian statistik ADF mengandaikan bahawa siri masa mempunyai Unit Root iaitu tidak pegun. Jika nilai statistik t yang dianggap lebih daripada nilai genting t, maka hipotesis gagal ditolak dan ini tidak dapat membuktikan bahawa data siri masa tersebut dalam keadaan kepegunan. Sebaliknya, jika nilai statistik t kurang daripada nilai genting t, maka hipotesis nul ditolak dan ini menunjukkan data siri masa adalah pegun. Nilai kritikal daripada Jadual Mackinnon, 1996 digunakan dalam ujian ini untuk membuat perbandingan dengan nilai statistik pembolehubah yang dikaji.

Hasil keputusan ujian punca Unit pada bentuk tingkat ditunjukkan dalam jadual 4.1 menunjukkan semua pembolehubah siri masa tidak signifikan pada setiap aras keertian. Nilai statistik t bagi semua pembolehubah adalah lebih kecil daripada nilai kritikal Mackinnon. Hipotesis nul menyatakan bahawa data siri masa masih tidak pegun gagal ditolak walaupun nilai Durbin Watson adalah lebih besar daripada R^2 . Maka untuk mendapatkan kepegunan data siri masa, pengkaji haruslah menjalankan ujian punca Unit pada pembezaan pertama. Pengkaji mendapati hasil keputusan bagi semua pembolehubah adalah signifikan pada pelbagai aras keertian iaitu bagi pembolehubah $Inktpn$ dan K_Msskn signifikan pada aras keertian 10 peratus, $Infkrmskn$ signifikan pada aras keertian 1 peratus dan Inf signifikan pada aras keertian 5 peratus.

Walaupun begitu, data siri masa masih tidak pegun. Hal ini kerana untuk mencapai kepegunan data, hasil keputusan bagi semua pembolehubah mestilah signifikan pada aras keertian yang sama. Oleh yang demikian, pengkaji telah menjalankan ujian Unit Root pada pembezaan kedua. Namun dapatan kajian yang diperolehi adalah sama dengan keadaan pembezaan pertama di mana $Inktpn$ dan K_Msskn signifikan pada aras keertian 10 peratus, $Infkrmskn$ signifikan pada aras keertian 1 peratus dan Inf signifikan pada aras keertian 10 peratus. Oleh itu, pengkaji terpaksa melaksanakan ujian PP bagi mendapatkan kepegunan data siri masa.

Hasil keputusan ujian punca Unit pada bentuk tingkat menunjukkan hanya satu pembolehubah siri masa yang signifikan pada aras keertian 5 peratus iaitu pembolehubah $Inktpn$. Maka, pengkaji haruslah menjalankan ujian punca Unit pada pembezaan pertama. Pengkaji mendapati hasil keputusan bagi semua pembolehubah adalah signifikan pada pelbagai aras keertian yang mana $Inktpn$, $Infkrmskn$ dan Inf signifikan pada aras keertian 1 peratus tetapi K_Msskn signifikan pada aras keertian 5 peratus. Oleh itu, ujian pembezaan yang kedua perlu dilakukan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua pembolehubah adalah signifikan pada aras keertian yang sama iaitu signifikan pada aras keertian 1 peratus. Pengkaji beranggapan bahawa data siri masa berada dalam kepegunan. Maka di sini keseimbangan mungkin wujud pada jangka panjang antara semua pembolehubah. Langkah yang seterusnya adalah menguji kointegrasi antara semua pembolehubah iaitu dengan menggunakan prosedur Kointragasi Johanson.

4.5 ANALISIS KEPUTUSAN KOINTEGRASI

Ujian kointegrasi digunakan untuk melihat hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah eksogenes dan pemboleh ubah endogenes. Hasil dapatan ujian kointegrasi yang diperoleh adalah berasaskan log linear. Hasil keputusan Ujian Kointegrasi pembolehubah berbilang Johenson dapat ditunjukkan melalui jadual di bawah.

Jadual 4.2

Hasil Keputusan Ujian Kointegrasi pembolehubah berbilang Johenson

Nul Hipotesis	Ujian Statistik Jejak			Ujian Statistik Max-eigenvalue		
	Eigenvalue	Statistik Trace	Nilai Kritikal (5%)	Eigenvalue	Statistik eigen	Nilai Kritikal (5%)
$r=0$	0.975	77.736*	47.856	0.975	55.456*	27.584
$r \leq 1$	0.672	22.280	29.797	0.672	16.746	21.131
$r \leq 2$	0.286	5.533	15.494	0.286	5.067	14.264
$r \leq 3$	0.030	0.466	3.841	0.030	0.466	3.841

Nota : * merujuk penolakan hipotesis nul pada aras keertian 5%

Berdasarkan hasil keputusan Ujian Kointegrasi Berbilang Pembolehubah Johenson, Ujian Statistik Trace menunjukkan satu kointegrasi pada aras keertian 5 peratus. Begitu juga dengan Ujian Statistik Max-eigenvalue di mana turut menunjukkan satu kointegrasi pada aras keertian 5 peratus. Keputusan Ujian Kointegrasi pembolehubah berbilang ini secara keseluruhannya menunjukkan terdapat hubungan jangka masa panjang hanya pada satu pembolehubah sahaja iaitu pada r sama dengan 0.

4.6 ANALISIS VAR

Bagi mengkaji hubungan jangka masa panjang bagi semua pembolehubah, maka pengkaji menjalankan ujian VAR. Pilihan lat bagi ujian VAR dilaksanakan melalui ujian VAR lag di mana dapatan lag terbaik ialah 2. Pengkaji mendapati terdapat sebanyak empat persamaan regresi vektor telah dihasilkan di mana setiap pembolehubah menjadi pembolehubah endogenes dan nilai-nilai selepas pembolehubah itu menjadi pembolehubah penerang. Persamaan-persamaan berikut menunjukkan persamaan linear yang dihasilkan setelah menjalankan regresi vektor berbilang.

MODEL VAR

$$\Delta \text{LNKTPN} = -0.04253725652 * \Delta \text{LNKTPN}_{t-1} - 0.3434910009 * \Delta \text{LNFKRMSKN}_{t-1} - 0.0890034312 * \Delta \text{K_MMSKN}_{t-1} - 0.01412025011 * \Delta \text{INF}_{t-1} + 0.1532046215$$

$$R^2 = 0.890511 \quad \text{AIC} = -1.574157$$

Peningkatan 1 peratus dalam FKRMSKN akan mengurangkan sebanyak 0.343 peratus KTPN. Peningkatan 1 peratus dalam K_MMKN juga akan mengurangkan sebanyak 0.089 peratus KTPN. Tambahan lagi, peningkatan 1 peratus dalam INF akan mengurangkan sebanyak 0.014 peratus KTPN.

$$\Delta\text{LNFKRMSKN} = 0.09314820311*\Delta\text{LNKTPN}_{t-1} - 1.333158756*\Delta\text{LNFKRMSKN}_{t-1} - 0.376214268*\Delta\text{K_MMSKN}_{t-1} + 0.1908654997*\Delta\text{INF}_{t-1} + 0.1904171973$$

$$R^2 = 0.952896 \quad \text{AIC} = -0.112806$$

Peningkatan 1 peratus dalam KTPN akan meningkatkan sebanyak 0.093 peratus FKRMSKN. Peningkatan 1 peratus dalam K_MMKN juga akan mengurangkan sebanyak 0.376 peratus FKRMSKN. Tambahan lagi, peningkatan 1 peratus dalam INF akan meningkatkan sebanyak 0.191 peratus FKRMSKN.

$$\Delta\text{K_MMSKN} = -0.5562687381*\Delta\text{LNKTPN}_{t-1} + 2.450966397*\Delta\text{LNFKRMSKN}_{t-1} + 0.581797178*\Delta\text{K_MMSKN}_{t-1} - 0.04469445789*\Delta\text{INF}_{t-1} - 0.7536375665$$

$$R^2 = 0.628779 \quad \text{AIC} = 4.034226$$

Peningkatan 1 peratus dalam KTPN akan mengurangkan sebanyak 0.556 peratus K_MMMSKN. Peningkatan 1 peratus dalam FKRMSKN juga akan meningkatkan sebanyak 2.451 peratus K_MMMSKN. Tambahan lagi, peningkatan 1 peratus dalam INF akan mengurangkan sebanyak 0.045 peratus K_MMMSKN.

$$\Delta\text{INF} = 1.728060611*\Delta\text{LNKTPN}_{t-1} - 0.7233004817*\Delta\text{LNFKRMSKN}_{t-1} - 0.3890197379*\Delta\text{K_MMSKN}_{t-1} - 0.07858760182*\Delta\text{INF}_{t-1} - 0.4891487428$$

$$R^2 = 0.508304 \quad \text{AIC} = 3.763203$$

Peningkatan 1 peratus dalam KTPN akan meningkatkan sebanyak 1.728 peratus INF. Peningkatan 1 peratus dalam FKRMSKN juga akan mengurangkan sebanyak 0.723 peratus INF. Tambahan lagi, peningkatan 1 peratus dalam K_MMMSKN akan mengurangkan sebanyak 0.389 peratus INF.

Dalam bahagian ini pengkaji akan melihat nilai-nilai R^2 , nilai statistik F dan nilai AIC untuk mengkaji sama ada model VAR yang dibentuk adalah signifikan dan boleh diterima. Hasil keputusan penganggaran persamaan VAR menunjukkan R^2 yang tinggi bagi setiap persamaan yang dihasilkan iaitu antara 0.058 sehingga 0.953 menunjukkan pembolehubah penerang dapat menerangkan pembolehubah bebas dengan baik. Selain itu, nilai statistik F adalah kebanyakan tinggi bagi setiap persamaan yang telah dianggarkan. Hal ini membuktikan bahawa sekurang-kurangnya satu pembolehubah penerang adalah signifikan terhaap pembolehubah yang diterang.

Tambahan lagi, pengkaji mendapati hanya terdapat hubungan jangka masa pendek antara semua pembolehubah. Maka di sini untuk menguji sama ada wujudnya hubungan jangka masa pendek tersebut, pengkaji telah melaksanakan Ujian VAR Granger-Causality (Ujian Wald). Ujian VAR Granger-Causality (Ujian Wald) dijalankan adalah dengan menggabungkan F statistik untuk tidak memasukkan pembolehubah daripada satu persamaan yang telah diilustrasikan dalam struktur matrik mudah. Hasil keputusan analisis Wald dalam bentuk jadual yang lengkap dapat diperhatikan dalam jadual di bawah.

Jadual 4.3
Hasil Keputusan Ujian VAR Granger-Causality (Ujian Wald)

PEMBOLEHUBAH	KTPN	FKRMSKN	K_MMSKN	INF
KTPN	-	10.8387** (0.0152)	5.2239*** (0.0596)	0.7204 (0.5310)
FKRMSKN	13.6502* (0.0094)	-	5.6920*** (0.0514)	0.9244 (0.4554)
K_MMSKN	1.9047 (0.2427)	1.5233 (0.3044)	-	0.3437 (0.7246)
INF	0.5989 (0.5845)	0.5841 (0.5916)	0.9348 (0.4520)	-

Nota : * signifikan pada aras keertian 1%, ** signifikan pada aras keertian 5% dan *** signifikan pada aras keertian 10%

Melalui dapatan kajian di atas, didapati bahawa kutipan mempunyai hubungan yang signifikan dengan fakir miskin iaitu pada aras keertian 5 peratus. Kutipan juga turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kemiskinan iaitu pada aras keertian 10 peratus. Selain itu, fakir miskin mempunyai hubungan yang signifikan dengan kutipan iaitu pada aras keertian 1 peratus. Fakir miskin juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kadar kemiskinan iaitu pada aras keyakinan 10 peratus. Jelas menunjukkan di sini terdapat hubungan jangka masa pendek antara pembolehubah eksogenes dan endogenes.

4.7 ANALISIS KEPUTUSAN PENYEBAB GRANGER

Analisis Penyebab Granger bertujuan untuk melihat perhubungan penyebab akibat yang wujud di antara pembolehubah yang dikaji. Pengujian statistik F dijalankan untuk melihat sama ada hipotesis nul yang menyatakan pembolehubah X bukan penyebab granger pembolehubah yang ditolak atau gagal ditolak. Hipotesis nul akan ditolak sekiranya didapati nilai p value kurang daripada 0.05. Dalam kajian ini, pengkaji memilih lat masa 2 dalam menjalankan analisis penyebab granger di antara pembolehubah yang digunakan. Hubungan jangka pendek antara semua pembolehubah akan dilihat dalam beberapa keadaan contohnya penyebab daripada perubahan pembolehubah X terhadap Y, penyebab sehalu daripada perubahan pembolehubah Y terhadap pembolehubah X, penyebab dua hala di mana perubahan dalam kedua-dua pembolehubah X dan Y saling mempengaruhi antara satu sama lain dan tiada hubungan penyebab di mana pembolehubah X dan pembolehubah Y adalah tidak signifikan dalam kedua-dua persamaan regresi.

Jadual 4.4
 Hasil Keputusan Ujian Penyebab Granger

Hipotesis Nul	F Statistik	Probability	Dapatan
K_MMSKN bukan penyebab Granger LNFKRMSKN	5.275	0.027	Diterima
LNFKRMSKN bukan penyebab Granger K_MMSKN	1.980	0.189	

Jadual menunjukkan ringkasan hubungan yang wujud di antara pembolehubah-pembolehubah. Hasil analisis menunjukkan terdapat enam hubungan penyebab Granger. Namun hanya terdapat satu hubungan penyebab yang diterima iaitu signifikan pada aras keyakinan 5 peratus di mana wujud hubungan sehalu antara kadar kemiskinan dan fakir miskin. Apabila jumlah fakir miskin menurun, kadar kemiskinan juga turut menurun. Lima hubungan penyebab Granger yang lain ditolak kerana tidak menjadi penyebab granger antara satu sama lain. Hal ini kerana berkemungkinan pengkaji menggunakan data siri masa yang sedikit dan ini sekaligus menjejaskan dapatan kajian yang diperoleh.

4.8 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini berjaya mengupas segala objektif kajian serta persoalan kajian yang dikemukakan di awal kajian. Selain itu, keputusan penganggaran dengan menggunakan model utama serta terjemahan model dan kupasan bernas dalam bentuk ekonometrik memberi implikasi terhadap pembentukan dasar kajian. Malahan kebanyakan ujian yang dilakukan juga mempunyai kekuatannya tersendiri berbanding kajian-kajian sebelum ini. Selain itu, ia juga mampu mengatasi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kajian-kajian sebelum ini. Oleh itu, analisis data dan pemboleh ubah dengan perisian yang tepat adalah penting dan sangat mempengaruhi keputusan kajian untuk memperoleh satu kajian yang menggambarkan apa yang dikaji.

BAB V

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini memperlihatkan rumusan dan kesimpulan bagi hasil kajian yang telah dijalankan. Penemuan kajian ini adalah diperoleh menerusi analisis yang telah dijalankan berdasarkan kepada kaedah-kaedah yang telah diterangkan dalam bab-bab yang sebelumnya. Melalui hasil kajian tersebut, rumusan akan dibuat di mana ia berfokus kepada penilaian di antara hubungan pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar. Seterusnya, dengan berlandaskan hasil kajian yang diperoleh pengkaji akan menerangkan implikasi polisi zakat. Pengkaji juga akan mencadangkan beberapa cadangan yang relevan yang mana ia meliputi penyelidikan yang bersesuaian untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh daripada ujian Kointegrasi adalah terdapat hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah eksogenes dan pemboleh ubah endogenes. Namun apabila pengkaji melaksanakan ujian VAR didapati hanya terdapat hubungan jangka masa pendek antara semua pembolehubah. Untuk menguji hubungan jangka masa tersebut, Ujian VAR Granger-Causality (Ujian Wald) telah dilaksanakan. Dapatan kajian ialah hipotesis ditolak di mana wujud hubungan jangka masa pendek antara semua pembolehubah. Tambahan lagi, terdapat satu hubungan penyebab yang wujud signifikan pada aras keyakinan 5 peratus di mana wujud hubungan sehalu antara kadar kemiskinan dan fakir miskin. Maka ini bersesuaian dengan situasi sekarang di mana apabila kadar kemiskinan menurun, jumlah fakir miskin dalam masyarakat juga akan menurun dan sebaliknya apabila kadar kemiskinan meningkat, jumlah fakir miskin dalam masyarakat juga akan meningkat.

Selain itu, hasil analisis jelas menunjukkan agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Ini bertepatan dengan pegkaji-pengkaji terdahulu contohnya kajian yang dilaksanakan oleh Patmawati Ibrahim (2006) iaitu hasil kajian beliau mendapati bahawa mengikut index Gini coefficient, agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin daripada nilai pekali Gini. Imtiaz (1989) juga berpendapat zakat dapat mengurangkan kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan mempunyai potensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, M.A. Mannan (1989) melihat bahawa zakat berperanan untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda dari zakat. Tambahan lagi, hasil kajian daripada Impak Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Melaka oleh Kumpulan Perundingan Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Pusat Pengajian Sains dan Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (2003) mendapati kemiskinan di Negeri Melaka tidaklah begitu serius namun masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menepati objektif kajian.

5.3 IMPLIKASI POLISI

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi penting dalam sistem zakat di Melaka khususnya dan di Malaysia umumnya. Kajian ini membuktikan bahawa zakat sememangnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan fakir miskin. Seseorang yang layak mengeluarkan zakat haruslah membayar zakat kerana terdapat peruntukan undang-undang kepada sesiapa yang tidak membayar zakat di mana seseorang tidak membayar zakat walaupun layak akan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah tahun 1997, seksyen 16. Peraturan ini menegaskan tentang hukuman undang-undang yang dikenakan kepada individu yang ingkar membayar zakat dan fitrah walaupun layak berbuat demikian. Individu yang terbabit akan didenda atau dipenjarakan ataupun kedua-duanya sekali.

Dalam seksyen tersebut juga turut menyatakan bahawa sekiranya terdapat individu yang enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah melalui amil yang dilantik atau mana-mana orang telah diberikan kuasa oleh Majlis Agama Islam untuk memungut zakat adalah melakukan kesalahan undang-undang yang boleh dikenakan tindakan. Tindakan yang dikenakan kepada individu ini adalah seperti denda dan penjara yang mana denda yang dikenakan tidak melebihi RM 1000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan ataupun kedua-duanya sekali. Sebagai contoh kes yang diketengahkan oleh M.B. Hooker adalah *Haron bin Laksamana melawan Public Prosecutor* yang mana merupakan kes rayuan jenayah daripada Mahkamah Magistret berkaitan tafsiran Peraturan Zakat dan Fitrah 1952 yang dibuat dan dikuatkuasakan di bawah seksyen 8, Baitul Mal, Zakat and Fitrah Enactment 1951, Perak (No.7 tahun 1951). Tertuduh atau perayu dalam kes ini telah disabitkan oleh Magistret kerana gagal membayar fitrah “sebagai seorang Islam yang bermastautin di Negeri tersebut“. Maka jelaslah di sini perundangan yang dibentuk di Malaysia dapat menyedarkan masyarakat akan kewajipan membayar zakat.

Selain itu, implikasi yang jelas dapat dinyatakan di sini ialah dengan berzakat umat Islam mampu membantu dalam meningkatkan taraf hidup sesama Muslim. Secara teorinya, apabila wujudnya golongan kaya, maka wujudlah kelas yang memisahkan kehidupan mereka. Akibat daripada wujudnya golongan seperti ini maka tidak hairanlah timbul ketidakseimbangan dalam masyarakat Islam. Oleh itu, apabila setiap individu membayar zakat dan diagihkan mengikut asnaf yang telah ditetapkan, maka dapat mengimbangi keadaan tersebut sekaligus dapat mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin.

Melalui pengagihan zakat yang sistematik dari institusi zakat dapat mengurangkan kesempitan wang yang melanda golongan fakir dan miskin. Hal ini sekaligus dapat mengurangkan kemiskinan tegar dalam masyarakat di negara ini. Walaubagaimanapun, matlamat ini tidak akan berjaya sekiranya wujud sikap tidak adil dan tulus dalam mengagihkan wang zakat kepada individu yang layak. Namun pada hakikatnya masih terdapat lagi ketidaktuluan dalam pengurusan wang zakat. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengesanan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) di mana berlakunya penyelewengan dalam pengurusan wang zakat iaitu pecah amanah yang membabitkan lebih RM1.6 juta di dua negeri sejak lima tahun lalu. Datuk Ahmad Zahid Hamidi memberitahu kepada Berita Harian (2008) bahawa perkara itu dikenal pasti selepas laporan Jabatan Audit Negara yang diperolehi awal tahun lalu di mana ia mendedahkan dua negeri mempunyai urus niaga pengurusan zakat 'meragukan' serta tidak telus.

Pengurusan zakat seharusnya perlulah bersifat telus dan amanah sekaligus menjadi pegangan supaya pembayar zakat tidak hilang keyakinan. Bagi mengatasi penyelewengan, JPM diarahkan mengadakan seminar penyelarasan dan penyeragaman kutipan serta pengurusan zakat termasuk dari segi akaun, pelaburan, pengagihan serta kesan kepada penerima.

Tambahan lagi, ketidaktulusan ini menyebabkan masih terdapat lagi umat Islam yang miskin yang hidup dalam kedaifan dan meraih simpati orang ramai. Hal ini jelas terbukti apabila terdapat stesen televisyen memaparkan kisah keperitan hidup sebahagian umat Islam yang tidak mendapat perhatian dari pihak Institusi zakat. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib haruslah mengambil langkah yang agresif bagi mengatasi masalah ini agar masalah tersebut tidak berlarutan sepanjang zaman.

5.4 SARANAN KAJIAN

5.4.1 PERANAN AGENSI KERAJAAN

a) Menguatkuasakan Undang-undang Membayar Zakat

Undang-undang yang sedia ada perlulah dikuatkuasakan dan dilaksanakan dengan jayanya demi memperoleh kutipan zakat yang menggalakkan sepanjang tahun. Zakat bukanlah bayaran yang bermusim di mana ia hanya dibayar pada bulan Ramadhan sahaja malah pembayarannya adalah sepanjang tahun. Hukum mengenai pembayaran zakat telah lama dibincangkan oleh para ulama seperti Umar Abdul Aziz, Uthman bin Affan dan sebagainya.

Peraturan zakat bagi setiap negeri adalah sangat berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan ini merangkumi jenis harta yang dikenakan, pelaksanaan penguatkuasaan, kaedah taksiran dan pentadbiran. Walaupun berbeza dari segi peraturan dan pelaksanaan, namun melanggar peraturan zakat adalah salah di sisi undang-undang Islam dan agama. Hukuman yang ditetapkan dalam peraturan adalah berupa denda dan penjara atau kedua-duanya sekali (Mohd Ali, 1989). Enakmen pentadbiran hukum syarak Negeri Melaka 1991 di bawah seksyen 30 sebagai contohnya mengatakan bahawa zakat ke atas pendapatan adalah wajib dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang layak bagi seluruh Negeri Melaka dan individu yang layak dan cukup syarat-syarat berzakat perlulah dipaksa untuk membayar zakat.

b) Meningkatkan Kesedaran Usahawan dan Peniaga Islam dalam Berzakat

Budaya berzakat di kalangan usahawan dan peniaga Islam berbanding dengan mereka yang membayar cukai pendapatan kepada kerajaan didapati tidak selari. Hal ini adalah kerana kegagalan masyarakat Islam untuk membayar zakat tidak dikenakan tindakan oleh MAIN. Kesedaran timbul atas dasar tanggungjawab rukun Islam yang didapati masih lemah walaupun mereka adalah orang Islam. Tidak ada jalan mudah bagi menyedarkan mereka kecuali melalui pendidikan atau tarbiah atau ta'dib untuk menjadikan seseorang Islam yang baik dan melaksanakan rukun-rukun Islam dengan sempurna. Sekiranya mereka yakin bahawa sembahyang adalah suatu kefarduan dalam Islam dan mesti dilaksanakan, maka tidak ada sebab mereka boleh ingkar dan enggan untuk membayar zakat kerana zakat juga adalah salah satu daripada rukun Islam yang wajib disempurnakan.

Oleh yang demikian, MAIN perlu merangka pendekatan yang lebih strategik dan sistematik untuk meningkatkan keyakinan ummah tentang kewajipan berzakat dan menyediakan ruang dan peluang untuk mereka menyemak dan menilai manfaat yang diperoleh hasil kaedah pengagihan zakat untuk membantu asnaf-asnaf penerima zakat dengan telus dan terbuka. Keperihatinan pihak Kerajaan memberi pelepasan cukai ke atas perniagaan merupakan satu pendekatan untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran. Pendekatan terkini, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji bersama Syarikat Mengurus Zakat telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk memberikan potongan rebat ke atas cukai pendapatan usahawan dan peniaga Islam.

b) Meningkatkan Kesedaran Usahawan dan Peniaga Islam dalam Berzakat

Budaya berzakat di kalangan usahawan dan peniaga Islam berbanding dengan mereka yang membayar cukai pendapatan kepada kerajaan didapati tidak selari. Hal ini adalah kerana kegagalan masyarakat Islam untuk membayar zakat tidak dikenakan tindakan oleh MAIN. Kesedaran timbul atas dasar tanggungjawab rukun Islam yang didapati masih lemah walaupun mereka adalah orang Islam. Tidak ada jalan mudah bagi menyedarkan mereka kecuali melalui pendidikan atau tarbiah atau ta'dib untuk menjadikan seseorang Islam yang baik dan melaksanakan rukun-rukun Islam dengan sempurna. Sekiranya mereka yakin bahawa sembahyang adalah suatu kefarduan dalam Islam dan mesti dilaksanakan, maka tidak ada sebab mereka boleh ingkar dan enggan untuk membayar zakat kerana zakat juga adalah salah satu daripada rukun Islam yang wajib disempurnakan.

Oleh yang demikian, MAIN perlu merangka pendekatan yang lebih strategik dan sistematik untuk meningkatkan keyakinan ummah tentang kewajipan berzakat dan menyediakan ruang dan peluang untuk mereka menyemak dan menilai manfaat yang diperoleh hasil kaedah pengagihan zakat untuk membantu asnaf-asnaf penerima zakat dengan telus dan terbuka. Keperihatinan pihak Kerajaan memberi pelepasan cukai ke atas perniagaan merupakan satu pendekatan untuk menggalak dan meningkatkan kesedaran. Pendekatan terkini, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji bersama Syarikat Mengurus Zakat telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk memberikan potongan rebat ke atas cukai pendapatan usahawan dan peniaga Islam.

c) Meningkatkan Kesedaran Melalui Kempen Membayar Zakat di kalangan Umat Islam

Kewajipan zakat kepada individu muslim adalah sama sepertimana kefarduan solat yang diwajibkan ke atas umat Islam. Zakat mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dalam Islam dan sering digandingkan dengan solat di dalam Al-Quran. Namun begitu, kesedaran umat Islam terhadap kewajipan membayar zakat di kalangan masyarakat kita kini masih lagi rendah kerana didapati hampir setiap tahun hasil pungutan zakat sentiasa berada pada tahap yang tidak membanggakan. Pameran, ceramah, khutbah Jumaat dan sebagainya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam tentang kepentingan atau kelebihan berzakat

5.4.2 PERANAN INSTITUSI PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

a) Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan

Projek-projek pembangunan ekonomi atau usahawan yang diceburi oleh asnaf meliputi pelbagai bidang. Ini termasuklah bidang-bidang seperti ternakan, pertanian, perikanan, peruncitan, IKS dan sebagainya. Kita akui pada hakikatnya para pegawai zakat tidak mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tersebut. Walaubagaimanapun, usahawan zakat ini tidak boleh dibiarkan tanpa diberi panduan dan dengan hanya memberi suntikan modal sahaja. Apa yang boleh dilakukan oleh insitusi zakat adalah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang untuk prograam pertanian, FAMA untuk pemasaran, LKIM untuk perikanan, IKS dan sebagainya. Hal ini bertujuan untuk memastikan mereka mendapat nasihat yang betul dari pihak yang tepat dan memastikan kejayaan perusahaan mereka.

b) Menginstitusikan Pengagihan Zakat

Aktiviti kutipan zakat Melaka telah dipertanggungjawabkan kepada Pusat Zakat Melaka dan agihan pula diurus selia oleh Baitulmal iaitu di bawah Majlis Agama Islam Negeri Melaka. Walau bagaimanapun, masih terdapat lagi lompongan terhadap agihan zakat di Melaka. Bagi mewujudkan agihan zakat dilaksanakan dengan lebih berkesan pengagihan zakat perlu diinstitusikan. Ini dapat dibuktikan dengan kewujudan institusi pengagihan formal seperti Pusat Zakat Selangor telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan kerana saban tahun Pusat Zakat Selangor seringkali mencatatkan nilai agihan paling tinggi jika hendak dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Melalui pengistitusian pengagihan zakat diharapkan dapat memperbaiki pengurusan zakat dari agihan.

c) Urus tadbir korporat kakitangan

Urus tadbir korporat kakitangan perlulah diterapkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya pembayar zakat lebih yakin wang yang telah dibayar kepada pusat zakat. Jika selama ini pun pusat zakat sering meletakkan misi organisasi dengan memfokuskan kepada kepuasan pelanggannya maka sistem pentadbiran korporat hendaklah diamalkan. Dengan itu institusi zakat akan dipandang tinggi kerana sumbangannya di peringkat negara menjadi lebih berfungsi untuk membasmi kemiskinan. Untuk menjadikan institusi zakat sebagai ejen pembasmian kemiskinan maka bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) mengenai zakat perlu diteruskan dengan melibatkan kepakaran pelbagai pihak seperti mufti, ahli akademik, ahli korporat, pendidik, tokoh agama, persatuan akauntan, wakil rakyat dan jawatankuasa kampung. Melalui bahagian R&D ini dapat mengenal pasti program-program yang bersesuaian untuk meningkatkan pembangunan modal insan agar golongan miskin mampu menjadi pembayar zakat selepas mereka berjaya dalam lapangan masing-masing.

5.4.3 PERANAN MASYARAKAT

a) Peka terhadap golongan fakir miskin

Kita sebagai umat Islam aruslah peka kepada masyarakat di sekelilig terutamanya masyarakat fakir miskin. Janganlah kita darjat dan pangkat sekiranya menjalinkan hubungan sesama manusia. Siapa lagi yang akan membantu mereka jikalau bukan kita. Masyarakat harus sedar bahawa golongan fakir dan miskin tidak wajar dibiarkan sebagai penerima zakat atau sedekah semata-mata. Mereka sebenarnya berpotensi untuk meningkat pendapatan melalui bantuan kewangan, khidmat nasihat, latihan dan motivasi. Bak kata pepatah, jika ingin membantu seseorang secara berterusan, jangan berikan ikan, tetapi berikan pancing kepadanya. Mereka perlu dibangunkan dan dimotivasikan supaya berdikari untuk terus hidup dengan cara memanfaatkan wang agihan dan wang bantuan sebagai sumber modal. Mereka pula wajib berusaha dan berikhtiar untuk memajukan ekonomi mereka dengan menjana sumber daripada agihan zakat dan wang bantuan yang diperoleh.

5.5 RUMUSAN

Kesimpulan dari keseluruhan kajian mendapati bahawa zakat sememangnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan umat Islam di Negeri Melaka. Peranan zakat juga sangat besar dalam kehidupan di mana ia dapat menyucikan harta individu daripada bercampur dengan hak orang lain yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan sebagai alat pembersihan jiwa daripada sifat negatif seperti sifat mementingkan diri sendiri serta bakhil dan digantikan dengan penyuburan sifat positif seperti pemurah, mengeratkan persaudaraan sesama muslim dan ehsan.

Zakat juga dapat menjadi perangsang dalam perkembangan ekonomi semasa negara Islam. Seperti yang dinyatakan dalam Majalah Dewan Ekonomi, Julai 2003 oleh Adnan Yusuf, sistem kewangan Islam mampu menjadi alternatif penyelesaian yang ampuh kepada permasalahan ekonomi serta kegawatan yang menimpa ekonomi negara Islam dewasa ini. Malahan sistem ini lah sebenarnya yang patut menjadi dasar kepada sistem kewangan sesebuah negara Islam kerana peranannya sebagai tunggak kepada kestabilan sosioekonomi dan sumber kekayaan negara.

Zakat merupakan salah satu sumber kewangan yang terulung dalam sistem pemerintahan Islam lampau ekoran keampuhannya dalam menangani permasalahan yang timbul serta pengagihan kekayaan negara dapat berlagsung secara adil dan praktikal. Melihat kepada besarnya fungsi yang telah dimainkan, maka zakat tidak boleh diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai bidang kuasa dan pelaksanaan yang terhad. Suatu pemikiran yang komprehensif tentang zakat perlu dilakukan dengan agresif oleh kerajaan bagi menjadikannya salah satu sumber utama ekonomi negara, khususnya bagi menangani permasalahan umat Islam terutamanya berkaitan dengan kemiskinan tegar negara ini dan menjamin keberkesanannya dalam menangani masalah kemiskinan di kalangan umat Islam.

PERANANA INSTITUSI ZAKAT SEBAGAI AGEN PEMBASMI KEMISKINAN UMAT ISLAM KAJIAN KES DI NEGERI MELAKA - SITI SUKAINAH BINTI ALIAS